




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	ix
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN KERJA RAYA	
Projek Pembinaan Jambatan	3
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	
Pengurusan Program e-Desa	17
JABATAN PERTANIAN	
Pengurusan Institut Pertanian	37
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU MAJLIS DAERAH PENAMPANG	
Pengurusan Perolehan	47
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI	
K.K.I.P. Sdn. Bhd.	60
PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH	
Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd.	74
PENUTUP	93



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepatimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan 5 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 2 Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 23 syor untuk diambil tindakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian /Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 Februari 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KERJA RAYA

- Projek Pembinaan Jambatan

1.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan prasarana fizikal bagi menaikkan taraf pembangunan sosio-ekonomi Negeri Sabah. Ini merangkumi penyediaan jalan raya dan jambatan yang selamat, efisien dan mematuhi spesifikasi yang berkualiti. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, JKR telah mewujudkan Cawangan Jambatan pada tahun 2005 untuk memastikan perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan jambatan di Negeri Sabah dengan menggunakan peruntukan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. JKR telah menerima peruntukan berjumlah RM336.61 juta dan RM235.67 juta bagi melaksanakan pembinaan 44 dan 18 buah jambatan dalam RMKe-9 dan RMKe-10 masing-masing iaitu peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM98.11 juta dan RM76.12 juta serta peruntukan Kerajaan Persekutuan pula sebanyak RM238.50 juta dan RM159.55 juta. Peruntukan ini diagihkan kepada Ketua Jurutera Pengguna Projek di JKR Daerah untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan di kawasan masing-masing. Bagi tahun 2010 hingga 2013, pihak Audit telah memilih 6 projek bernilai RM38.4 juta sebagai sampel Audit daripada 13 projek pembinaan jambatan bernilai RM67.36 juta dan lawatan Audit telah dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JKR, Pejabat JKR Daerah Kota Kinabalu, Penampang, Kota Belud, Beaufort, Tenom dan Ranau. Daripada 6 projek yang dipilih 2 projek telah siap manakala 4 dalam pelaksanaan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 terhadap sampel Audit mendapati pada keseluruhannya projek pembinaan jambatan adalah memuaskan kerana 6 projek dapat disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Projek lewat disiapkan.
- Masalah pemilikan tanah.
- Pelaksanaan projek tertangguh.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah pembinaan jambatan daripada terus berulang, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Meningkatkan kualiti sistem kerja sedia ada dengan mengadakan pelan mitigasi bagi memastikan tiada kelewatan dalam pembinaan jambatan akibat permasalahan tapak.

1.3.2. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi serta *engagement* dengan semua *stakeholder* terlibat semasa proses kajian tapak dan reka bentuk jambatan.

1.3.3. Meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja kontraktor bagi mengelakkan kelewatan penyiapan projek serta mengurangkan tempoh lanjutan masa yang panjang.

2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Pengurusan Program e-Desa

2.1. Program e-Desa merupakan salah satu strategi Kerajaan Negeri dalam membangunkan *Information And Communication Technology* (ICT) untuk merapatkan jurang teknologi digital di kalangan komuniti luar bandar di Negeri Sabah. Melalui program ini, Kerajaan Negeri Sabah meletakkan harapan agar dapat melahirkan komuniti setempat yang celik teknologi maklumat (IT) dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat (KPSKTM) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Program e-Desa dengan kelengkapan ICT dan capaian internet untuk golongan sasaran mengakses maklumat. Selain menyediakan Pusat e-Desa, KPSKTM juga menyediakan latihan dan bimbingan mengenai ICT kepada golongan sasar untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pengurusan Pusat e-Desa diserahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan e-Desa (JKPeD) yang diwujudkan di kawasan terlibat dan dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan latihan serta bimbingan ICT kepada golongan sasaran.

2.2. Melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu mulai tahun 2004 sehingga 2013, Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan sejumlah RM10.45 juta untuk menyediakan 32 Pusat e-Desa termasuk kelengkapan perabot dan peralatan ICT. Sepanjang tempoh tersebut juga KPSKTM telah menggunakan sejumlah RM1.07 juta atau 64.5% daripada RM1.66 juta peruntukan untuk tujuan perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM4.87 juta atau 89% daripada RM5.47 juta peruntukan telah dibelanjakan untuk tujuan pembangunan Program e-Desa.

2.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2013 hingga September 2013 mendapati Pengurusan Program e-Desa di Negeri Sabah adalah memuaskan. Bagaimanapun masih ada beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Pelantikan operator kurang teratur.
- Peralatan ICT dan persekitaran Pusat e-Desa tidak disenggara.
- Peralatan ICT tidak digunakan sepenuhnya.

2.4. Bagi memastikan pengurusan Program e-Desa dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat mengambil langkah berikut:

2.4.1. Membuat penilaian ke atas keperluan sebenar masyarakat setempat terhadap Pusat e-Desa, melaksanakan koordinasi bersama SKMM untuk mengelakkan pertindihan pembinaan Pusat e-Desa dan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

2.4.2. Menetapkan sasaran latihan ICT di Pusat e-Desa dan memastikan syarikat yang dilantik melaksanakan program latihan ICT dengan kerjasama Pusat e-Desa bagi menarik minat pengguna mengunjungi Pusat e-Desa di samping boleh menjana pendapatan JKPeD.

2.4.3. Mengkaji semula mekanisme pengoperasian Pusat e-Desa sama ada menyewakan kepada pihak yang berminat ataupun melantik *service provider* dengan membuat *benchmark* dengan PI1M agar Pusat e-Desa dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan.

2.4.4. Merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara berjadual bagi memastikan peralatan ICT dan bangunan Kerajaan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

3. JABATAN PERTANIAN

- Pengurusan Institut Pertanian

3.1. Institut Pertanian Sabah (IPS) merupakan salah satu dari 7 Institut Pertanian yang bertanggungjawab melaksanakan kursus Sijil Pertanian di seluruh Malaysia. Objektif IPS adalah melatih belia dalam bidang pertanian agar dapat bekerja di sektor awam atau sektor swasta. Sehubungan itu, IPS bertanggungjawab melaksanakan program Sijil Pertanian selama 2 tahun kepada golongan belia bagi melahirkan tenaga pekerja mahir dalam bidang pertanian. Sejak penubuhan IPS sehingga tahun 2013, seramai 2,264 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan dan dianugerahkan Sijil Pertanian.

3.2. Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Julai hingga September 2013 mendapati, pengurusan program Sijil Pertanian anjuran IPS adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah dan IPS seperti berikut:

- Kajian keberkesanan program Sijil Pertanian tidak pernah dijalankan.
- Sebuah bangunan asrama tidak digunakan kerana masalah sistem pembetungan.
- Sebuah pondok keselamatan tidak digunakan sejak siap dibina pada tahun 2011.
- Tindakan pelupusan tidak diambil terhadap barang-barang rosak.

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan pengurusan Institut Pertanian, pihak Audit mengesyorkan Institut Pertanian Sabah khasnya dan Jabatan Pertanian Sabah amnya mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Kajian keberkesanan program Sijil Pertanian perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah bagi mengesan kemajuan kerjaya graduan IPS. Selain itu, bagi memudahkan pengesanan graduan IPS, pihak IPS dan Jabatan Pertanian Sabah disarankan untuk menubuhkan alumni di kalangan mantan pelajar IPS.

3.3.2. Pihak Kerajaan Negeri perlu menyediakan bajet yang secukupnya bagi perolehan kelengkapan asrama agar penggantian kelengkapan asrama yang rosak boleh dibuat serta sistem pembetungan di blok asrama IPS boleh dibaiki.

3.3.3. Pihak pengurusan IPS perlu menyediakan jadual penyenggaraan terhadap kemudahan latihan serta penginapan dan memastikan ia dilaksanakan mengikut rancangan.

3.3.4. Pihak pengurusan IPS perlu mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 dalam mengurus aset serta inventori milik IPS dari segi penyenggaraan, penggunaan dan pelupusan barang-barang rosak.

4. DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

MAJLIS DAERAH PENAMPANG

- Pengurusan Perolehan

4.1. Pengurusan perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Enakmen Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 1996, Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Undang-undang Kecil PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari semasa ke semasa. Perolehan boleh dilaksanakan mengikut kaedah perolehan terus, sebut harga, tender atau lantikan terus. Perolehan yang dibuat hendaklah berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran perlu dibuat bagi memperolehi *value for money*.

4.2. Pada tahun 2011 hingga Jun 2013, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Daerah Penampang (MDP) telah melaksanakan sebanyak 7,890 perolehan bernilai RM204.59 juta dan 1,729 perolehan bernilai RM11.63 juta masing-masing. Perolehan tersebut merangkumi perolehan kerja/perkhidmatan dan bekalan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT masing-masing.

4.3. Pengauditan terhadap pengurusan perolehan DBKK dan MDP telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013. Pada keseluruhannya, pelaksanaan kerja dan perkhidmatan DBKK dan MDP dari segi kualiti kerja, pematuhan spesifikasi dan tempoh pelaksanaan adalah baik dan tindakan susulan telah diambil selepas teguran Audit.

Manakala dari segi pengurusan perolehan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perolehan tidak mematuhi tatacara perolehan sepenuhnya.
- Pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan, serta berlaku kelewatan pembayaran kepada kontraktor.
- Peruntukan perolehan tahunan tidak mencukupi.
- Penyimpanan tong sampah tidak teratur.

4.4. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan perolehan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Daerah Penampang (MDP), pihak Audit mengesyorkan DBKK dan MDP mengambil tindakan seperti berikut:

4.4.1. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menampung pembayaran terhadap kontrak yang ditandatangani.

4.4.2. Melaksanakan perolehan dan pemulangan dibuat mengikut peraturan dan tatacara yang ditetapkan sepenuhnya.

4.4.3. Mengambil inisiatif bagi meningkatkan penyertaan pelajar agar projek Terminal Sejahtera yang telah mula beroperasi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan mengelakkan pembaziran.

4.4.4. Meningkatkan kawalan terhadap penggunaan dan penyimpanan bekalan yang diterima dengan mematuhi tatacara pengurusan stor sepenuhnya. Selain itu, DBKK perlu menyediakan tempat simpanan/stor yang bersesuaian bagi mengelakkan barang-barang yang diterima mudah rosak.

5. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

- **K.K.I.P. Sdn. Bhd.**

5.1. K.K.I.P. Sdn. Bhd. (KKIPSB) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada tahun 1994. Saham dibenarkan KKIPSB berjumlah RM500 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM107 juta. KKIPSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah Ketua Menteri Diperbadankan (CMI). Aktiviti utama yang dijalankan oleh KKIPSB adalah berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan serta pelaksanaan projek Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).

5.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2013, mendapati pada umumnya prestasi kewangan adalah baik di mana syarikat ini telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2010 dan 2012 serta mempunyai keuntungan terkumpul pada tahun 2012 berjumlah RM29.11 juta. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih

terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Projek lewat disiapkan.
- Baki penjualan tanah/bangunan komersil belum dibayar sepenuhnya.
- Apartmen Seri Malawa belum dijual.
- Projek usaha sama tidak memberi pulangan.

5.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat K.K.I.P. Sdn. Bhd. (KKIPSB) adalah baik. KKIPSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

5.3.1. Memastikan kontraktor menyiapkan projek pembinaan bangunan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

5.3.2. Memastikan bangunan yang telah disiapkan dijual dengan segera.

5.3.3. Memantau projek usaha sama bagi memastikan setiap pelaburan memberi pulangan kepada syarikat.

6. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH (SEDCO)

- **Syarikat Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd.**

6.1. Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) telah ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Syarikat 1965. SUDC merupakan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham berbayar dan dibenarkan bagi SUDC adalah RM40 juta. Objektif penubuhan SUDC adalah menjadi peneraju utama projek pembangunan Kerajaan Negeri dalam bidang hartanah dan industri berkaitan.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SUDC adalah baik kerana SUDC telah mencatat keuntungan bagi tahun 2010 hingga 2012. Keuntungan terkumpul setakat 2012 adalah RM78.17 juta. Pengurusan aktiviti juga adalah baik manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan secara ringkasnya di perenggan berikut:

- Senarai kerja bagi 2 daripada 3 projek adalah tidak dipatuhi.
- Tiada tindakan tegas untuk mengutip tunggakan sewa.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak kemas kini.

- Pengurusan kewangan dari segi kawalan terimaan, perbelanjaan dan aset adalah tidak teratur.

6.3. Bagi memantapkan pengurusan Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan SUDC mengambil tindakan berikut:

6.3.1. Memastikan projek harta tanah yang siap dibina dapat dijual atau disewa dengan segera.

6.3.2. Memastikan sewaan dibuat dengan teratur dan mekanisme kutipan tunggakan sewa diwujudkan.

6.3.3. Mengambil tindakan terhadap pencerobohan tanah dan lot kedai miliknya bagi mengelakkan masalah berbangkit di masa hadapan. Selain itu, pemantauan yang berkala perlu dilakukan bagi memastikan aset SUDC selamat dan bebas daripada diceroboh.

6.3.4. Mengemas kini SOP sedia ada untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

6.3.5. Menyelenggara Daftar Aset (*Property, Plant and Equipment Register (PPER) card*), membuat verifikasi dan pelupusan terhadap aset yang usang dan rosak bagi menjimatkan ruang penyimpanan aset.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA

1. PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan prasarana fizikal bagi menaikkan taraf pembangunan sosio-ekonomi Negeri Sabah. Ini merangkumi penyediaan jalan raya dan jambatan yang selamat, efisien dan mematuhi spesifikasi yang berkualiti. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, JKR telah mewujudkan Cawangan Jambatan pada tahun 2005 untuk memastikan perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan jambatan di Negeri Sabah dengan menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

1.1.2. JKR telah menerima peruntukan berjumlah RM336.61 juta dan RM235.67 juta bagi melaksanakan pembinaan 44 dan 18 buah jambatan dalam RMKe-9 dan RMKe-10 masing-masing. Peruntukan ini diagihkan kepada Ketua Jurutera Pengguna Projek di JKR Daerah untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan di kawasan masing-masing. Peruntukan yang diterima dan yang dibelanjakan adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Projek Pembinaan Jambatan Di bawah RMKe-9 Dan RMKe-10
Sehingga 31 Oktober 2013

Peruntukan	Rancangan Malaysia Ke-9				Rancangan Malaysia Ke-10			
	Bilangan Jambatan	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Peruntukan Dibelanjakan (RM Juta)	Peratus (%)	Bilangan Jambatan	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Peruntukan Dibelanjakan (RM Juta)	Peratus (%)
Negeri	24	98.11	56.72	57.8	5	76.12	45.88	60.3
Persekutuan	20	238.50	185.94	78.0	13	159.55	75.22	47.2
Jumlah	44	336.61	242.66	72.1	18	235.67	121.10	51.4

Sumber: Dokumen Jabatan Kerja Raya

1.1.3. Berdasarkan **Jadual 1.1**, pihak JKR telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM98.11 juta dan RM76.12 juta masing-masing bagi RMKe-9 dan RMKe-10. Manakala bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan pula sejumlah RM238.50 juta dan RM159.55 juta telah diterima masing-masing bagi RMKe-9 dan RMKe-10.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek pembinaan jambatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.3.1. Skop pengauditan meliputi projek pembinaan jambatan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2013 yang diselia dan dilaksanakan oleh Cawangan Jambatan, JKR Sabah. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek pembinaan jambatan. Selain itu, temubual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal di tapak projek turut dilakukan. Bagi tahun 2010 hingga 2013 sebanyak 13 projek pembinaan jambatan bernilai RM67.36 juta telah diluluskan dan maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

**Senarai 13 Projek Pembinaan Jambatan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2010 hingga Tahun 2013**

Bil.	No. Kontrak	Nama Projek	Kaedah Perolehan	Nilai Kontrak (RM Juta)	Status Pelaksanaan
1.	HQ.19/2010(S)	Jambatan Sg. Kadamaian, Jalan Kiau KM 5.05, Kota Belud (Unfinished Works)	Tender Terbuka	0.70	Siap
2.	HQ.95/2010(S)	Jambatan Sg. Pegalan, Tenom (Jambatan Binaie)	Rundingan Terus	14.96	Siap
3.	HQ.173/2010(S)	Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Di Kingfisher, Kota Kinabalu	Tender Terhad	9.77	Dalam Perlaksanaan
4.	HQ.185/2010(S)	Jambatan Sg. Kenipir – Jalan Terlobou-Tudan, Ranau	Rundingan Terus	2.57	Siap
5.	HQ.202/2010(S)	Jambatan Kikiran KM9.2 Jalan Mongitom Bunga Raya Kikiran, Keningau	Rundingan Terus	2.18	Siap
6.	HQ.233/2010(S)	Jambatan Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud	Tender Terbuka	4.70	Siap
7.	HQ.234/2010(S)	Jambatan Sg. Punggu, Beluran	Tender Terbuka	1.63	Dalam Perlaksanaan
8.	HQ.235/2010(S)	Jambatan Jln Pintas-Kubu, Beaufort	Tender Terbuka	1.31	Dalam Perlaksanaan
9.	HQ.4/2011(S)	Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang	Tender Terbuka	1.43	Siap
10.	HQ.77/2012(S)	Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut Kg. Nabutan, Ranau	Tender Terbuka	6.29	Dalam Perlaksanaan
11.	HQ.88/2012(S)	Jambatan Ulu Bandukan, KM0.00 Jalan Bandukan Ulu Bagam, Keningau	Tender Terhad	6.92	Dalam Perlaksanaan
12.	HQ.141/2012(S)	Jambatan Kg. Natanduan, KM14.5 Jln Keningau-Tenom, Tenom	Tender Terhad	14.90	Dalam Perlaksanaan
13.	-	Pembinaan Jambatan Pekan Tuaran Sg. Damit, Jalan Pekan Tuaran,Tamparuli	-	-	Masih dalam proses tender
Jumlah				67.36	

Sumber: Dokumen Jabatan Kerja Raya

1.3.2. Daripada 13 projek tersebut, pihak Audit telah memilih 6 projek bernilai RM38.4 juta sebagai sampel Audit dan lawatan telah dijalankan ke Daerah Kota Kinabalu, Penampang, Kota Belud, Beaufort, Tenom dan Ranau. Daripada 6 projek yang dipilih 2 projek telah siap manakala 4 dalam pelaksanaan iaitu projek Jambatan Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud dan Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
6 Projek Pembinaan Jambatan Yang Di Pilih Sebagai Sampel Audit
Bagi Tahun 2010 hingga Tahun 2013

Bil.	No. Kontrak	Daerah	Nama Projek	Kaedah Perolehan	Nilai Kontrak (RM Juta)
1.	HQ.173/2010(S)	Kota Kinabalu	Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Di Kingfisher, Kota Kinabalu	Tender Terhad	9.77
2.	HQ.4/2011(S)	Penampang	Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang	Tender Terbuka	1.43
3.	HQ.233/2010(S)	Kota Belud	Jambatan Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud	Tender Terbuka	4.70
4.	HQ.235/2010(S)	Beaufort	Jambatan Jln Pintas-Kubu, Beaufort	Tender Terbuka	1.31
5.	HQ.141/2012(S)	Tenom	Jambatan Kg. Natanduan, KM14.5 Jln Keningau-Tenom, Tenom	Tender Terhad	14.90
6.	HQ.77/2012(S)	Ranau	Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut Kg. Nabutan, Ranau	Tender Terbuka	6.29
Jumlah					38.40

Sumber: Dokumen Jabatan Kerja Raya

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 terhadap sampel Audit mendapati pada keseluruhannya projek pembinaan jambatan adalah memuaskan kerana 6 projek dapat disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Projek lewat disiapkan.
- Masalah pemilikan tanah.
- Pelaksanaan projek tertangguh.

1.4.1. Prestasi Pembinaan Jambatan

Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Kemajuan Projek yang dikemukakan oleh pihak JKR bagi tahun 2010 hingga 31 Ogos 2013 mendapati sebanyak 13 projek pembinaan jambatan telah dicadangkan untuk dibina dengan nilai kontrak berjumlah RM67.36 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4**Prestasi Projek Pembinaan Jambatan Bagi Tahun 2010 Hingga 31 Oktober 2013**

Tahun	Bilangan Projek	Nilai Projek (RM Juta)	Siap		Dalam Pelaksanaan		Belum Dilaksanakan	
			Bilangan	(%)	Bilangan	(%)	Bilangan	(%)
2010	8	37.82	5	62.5	3	37.5	-	-
2011	1	1.43	1	100	-	-	-	-
2012	3	28.11	-	-	3	100	-	-
2013	1	-	-	-	-	-	1	100
Jumlah	13	67.36	6	46.2	6	46.2	1	7.6

Sumber: Dokumen Jabatan Kerja Raya

1.4.1.1. Berdasarkan **Jadual 1.4** di atas, JKR merancang untuk membina 13 jambatan bagi tempoh 2010 hingga 2013. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6 projek telah disiapkan, 6 projek dalam pelaksanaan manakala satu projek belum dimulakan.

1.4.1.2. Semakan Audit terhadap Sijil Perakuan Siap dan Tempoh Lanjutan Masa mendapati, daripada 6 projek yang telah siap, sebanyak 4 projek telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 2 projek tidak disiapkan mengikut jadual asal dengan tempoh lanjutan masa antara 120 hingga 330 hari disebabkan keadaan cuaca yang sering hujan dan ketiadaan bahan mentah.

1.4.1.3. Bagi 6 projek pembinaan jambatan yang dalam pelaksanaan, pihak Audit mendapati tarikh sepatut siap kerja juga telah tamat tempoh. Tempoh lanjutan masa yang dipohon dan diluluskan adalah dari 119 hingga 668 hari. Antara sebab tempoh lanjutan dipohon adalah keadaan cuaca yang sering hujan, penangguhan kerja disebabkan kerja-kerja pelebaran sungai oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), penangguhan pemindahan utiliti Sabah Electric Sdn Bhd (SESB) dan membaiki kerosakan jambatan yang sedia ada disebabkan kerja-kerja cerucuk. Selain itu, satu projek pembinaan jambatan yang belum dilaksanakan sedang dalam proses tender.

Pada pendapat Audit, prestasi projek pembinaan jambatan adalah memuaskan kerana 6 daripada 13 telah siap manakala 6 dalam pelaksanaan dan satu projek sedang di tender.

1.4.2. Pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan

Mengikut syarat kontrak, projek pembinaan jambatan yang dilaksanakan hendaklah disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan seperti mana dalam dokumen kontrak. Semakan Audit berdasarkan 6 sampel projek pembinaan jambatan yang dipilih, mendapati 2 projek telah siap dan 4 projek jambatan sedang dalam pembinaan. Dua projek iaitu Jambatan Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud dan Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang telah disiapkan dengan tempoh lanjutan masa iaitu 197 dan 330 hari. Walau bagaimanapun, Penyata Akaun Akhir masih belum disediakan kerana terdapat kerja pemberian jalan raya yang belum diambil tindakan oleh pihak kontraktor dan projek jambatan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan. Manakala 2 projek iaitu Jambatan

Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud dan Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang telah disiapkan dengan tempoh lanjutan masa iaitu 197 dan 330 hari. Walau bagaimanapun, Penyata Akaun Akhir masih belum disediakan kerana terdapat kerja pemberian jalan raya yang belum diambil tindakan oleh pihak kontraktor dan projek jambatan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan. Maklumat lanjut projek adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5

Status Kemajuan Kerja Pelaksanaan Pembinaan Jambatan Sehingga 31 Oktober 2013


Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Patut Siap	Kemajuan Pada 31.10.2013	Bilangan EOT	Tarikh Lanjutan Masa	Tempoh Lanjutan Masa (Hari)
1.	Jambatan Sg. Timbang, Jalan Sarang/Dudar, Kota Belud	4.70	2.11.2010	1.11.2011	Siap Pada 16.5.2012	2 kali	29.2.2012 16.5.2012	197
2.	Jambatan Kg. Kimoligan, Penampang	1.43	14.3.2011	13.3.2012	Siap pada 6.2.2013	3 kali	30.9.2012 30.10.2012 6.2.2013	330
3.	Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak, Kota Kinabalu	9.77	2.8.2010	1.2.2012	92%	3 kali	10.8.2012 06.5.2013 31.10.2013	639
4.	Jambatan Kg.Natanduan, KM14.5 Jln Keningau-Tenom, Tenom	14.90	5.9.2012	4.3.2014	0%	Tiada	Tiada	Tiada
5.	Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut Kg. Nabutan, Ranau	6.29	8.3.2012	7.9.2013	84%	1 kali	4.1.2014	119
6.	Jambatan Jln Pintas-Kubu, Beaufort	1.31	3.11.2010	2.2.2012	63%	1 kali	1.12.2013	668

Sumber: Dokumen Jabatan Kerja Raya

1.4.2.1. Projek Yang Lewat Disiapkan: Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak, Kota Kinabalu

- a. Projek pembinaan Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Kingfisher, Kota Kinabalu merupakan jambatan tambahan kepada jambatan yang sedia ada dan dibina bagi memulihkan dan menambah baik rangkaian sistem jalan raya serta menampung kesesakan lalu lintas penggunaan jambatan lama. Ini disebabkan jambatan ini adalah laluan utama bagi penduduk Taman Kingfisher serta laluan ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Kingfisher, Kota Kinabalu. Kawasan ini juga berdekatan dengan beberapa buah bangunan utama seperti Menara Tun Mustapha, Wisma Innoprise (Pejabat Ketua Menteri), Bangunan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) Dewan Undangan Negeri Sabah, Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah (KPKPS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta kompleks membeli belah 1Borneo. Lokasi jambatan adalah seperti di **Peta 1.1**.


Peta 1.1
Lokasi Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Kingfisher, Kota Kinabalu



Sumber: Google Map

- b. Hasil bancian trafik yang dijalankan oleh Cawangan Jalan Raya JKR pada tahun 2011 mendapati jumlah kenderaan yang direkodkan pada masa puncak menggunakan jalan raya di Bulatan Kingfisher, Jambatan Kingfisher dan di Jalan UMS-Sulaman telah mencecah lebih 6,000 buah kenderaan. Manakala bagi tempoh 12 jam, sebanyak 40,000 hingga 50,000 buah kenderaan telah direkodkan menggunakan laluan tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Peta 1.2**.

Peta 1.2
Laluan Trafik Di Bulatan Berhampiran Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Kingfisher, Kota Kinabalu



Sumber : Dokumen Jabatan Kerja Raya

- c. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor tempatan dengan kos RM9.77 juta. Projek ini telah ditawarkan secara Tender Terhad. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan bermula dari 2 Ogos 2010 hingga 1 Februari 2011. Pihak JKR juga telah melantik Syarikat Konsultan bagi memantau kerja Kontraktor bagi

pihaknya. Satu Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.18 juta telah diluluskan menjadikan kos projek meningkat kepada RM9.95 juta. Berdasarkan semakan Audit terhadap baucar bayaran terakhir bertarikh 26 September 2013, sejumlah RM6.79 juta telah dibayar kepada kontraktor dengan pencapaian kemajuan kerja 92%. Sehingga bulan Oktober 2013, projek ini masih belum disiapkan.

- d. Semakan Audit mendapati, 3 Tempoh Lanjutan Masa (Extension Of Time (EOT)) selama 639 hari telah diluluskan bagi tempoh 2 Februari 2011 hingga 31 Oktober 2013. EOT yang pertama telah diluluskan sebanyak 192 hari disebabkan pemindahan utiliti SESB iaitu kabel, cuaca iaitu hujan dan penangguhan kerja disebabkan perlu membaiki kerosakan *piling works* jambatan yang sedia ada. EOT yang ke-2 telah diluluskan selama 269 hari disebabkan penangguhan kerja untuk membaiki kerosakan *piling works* jambatan yang sedia ada dan kerja pemeliharaan kabel SESB sedia ada. EOT yang ke-3 pula telah diluluskan selama 178 hari disebabkan pemasangan *bore pile* lewat mendapat kelulusan Arahan Perubahan Kerja dan juga kerja pemeliharaan kabel SESB sedia ada. EOT yang ke-3 telah tamat pada 31 Oktober 2013 dan permohonan untuk lanjutan masa kerja seterusnya belum diterima pihak JKR sehingga tarikh laporan ini dibuat. Berikut adalah gambar terkini kerja di jambatan tersebut seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Projek Pembinaan Jambatan
Yang Siap 92%



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Kingfisher, Kota Kinabalu
Tarikh: 30 September 2013

Gambar 1.2
Kerja-Kerja Pembinaan Jambatan
Sedang Giat Dijalankan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Ke Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Kingfisher, Kota Kinabalu
Tarikh: Tiada Maklumat

- e. Projek pembinaan jambatan ini dilaksanakan bersebelahan jambatan yang sedia ada dan melibatkan kerja menanam cerucuk. EOT 1 bertarikh 28 Julai 2012 telah dikeluarkan atas sebab penempatan semula utiliti, perubahan cuaca dan penggantungan kerja. Berdasarkan sebab EOT, pada 29 Mac 2011, Penyelia Tapak JKR telah mengesan pergerakan *pier* jambatan sedia ada yang menyebabkan *bearing* jambatan beralih daripada kedudukan asalnya sebanyak 150mm. Pada pandangan JKR, keadaan ini boleh membahayakan pengguna akibat dari kerja menanam cerucuk di jambatan baru yang bersebelahan. Oleh itu, satu kontrak kerja

bagi membaiki cerucuk di jambatan sedia ada telah ditawarkan kepada kontraktor yang sama untuk *Emergency Works (AP55): Remedial Works For Existing Jambatan Kingfisher, Kota Kinabalu* dengan tarikh siap pada 10 Ogos 2011. Kerja-kerja membaiki cerucuk *Emergency Works (AP55)* ini menyebabkan kerajaan menanggung kos tambahan bernilai RM2.64 juta menjadikan keseluruhan kos projek jambatan berjumlah RM12.59 juta daripada kos asal RM9.77 juta, termasuk Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM0.18 juta.

- f. **Maklum balas daripada JKR pada 4 Februari 2014 menyatakan, kelewatan disebabkan berlaku kerosakan pada jambatan pertama yang sedia ada yang timbul semasa kerja-kerja pembinaan jambatan kedua dilaksanakan. Kerosakan ini adalah di luar jangkaan kerana kaedah pembinaan yang sama digunakan untuk kerja-kerja cerucuk kedua-dua pier jambatan. Kerosakan hanya berlaku semasa kerja untuk 3 cerucuk terakhir di bahagian pier kedua di sebelah Taman Kingfisher. Perubahan jenis cerucuk sebanyak 3 batang daripada *driven pile* ke *bored pile* adalah perlu untuk mengelakkan kerosakan berulang. Pihak JKR menggunakan tabung kecemasan untuk membiayai pertambahan kos untuk membaik pulih kerosakan tersebut di samping mengukuhkan lagi jambatan pertama.**

Pada pendapat Audit, projek pembinaan jambatan ini adalah kurang memuaskan kerana Kerajaan menanggung kos tambahan berikutan Arahan Perubahan Kerja bernilai RM0.18 juta dan kontrak untuk *Emergency Works* bernilai RM2.64juta.


1.4.2.2. Masalah Pemilikan Tanah: Jambatan Kg. Natanduan, KM14.5 Jln Keningau-Tenom, Tenom

- a. Jambatan yang dicadangkan ini terletak di KM14.5 Jalan Keningau-Tenom. Jambatan ini mewujudkan perhubungan lalu lintas 2 hala melalui jalan baru sepanjang 8 KM yang dibina dan akan menghubungkan Pusat Kebudayaan Murut dan Taman Pertanian di Lagud Seberang. Adalah dianggarkan seramai 5,000 orang penduduk di beberapa buah kampung berdekatan iaitu Kg. Pagansangon, Kg. Pulong, Kg. Paguokan, Kg. Lagud Seberang dan Kg. Manining. Selain itu, laluan ini juga digunakan oleh Klinik Poguoko. Dengan terlaksananya projek pembinaan jambatan ini objektif memulihkan dan menambah baik rangkaian sistem jalan raya, menyediakan sebuah jambatan yang selamat serta menambahkan bilangan pelancong akan tercapai.
- b. Semakan Audit mendapati lokasi pembinaan Jambatan Kg. Natanduan, KM14.5 Jln Keningau-Tenom tidak mempunyai akses jalan raya ke tapak pembinaan. Laluan utama hanya boleh dihubungkan melalui jalan pertanian di Ladang Melalap yang dimiliki oleh Sime Darby. Pihak Audit mendapati tiada kemudahan jalan raya selepas tapak cadangan pembinaan jambatan di seberang Sungai Pegalan. Kemudahan jalan pertanian yang tidak berturap (*Gravel Road*) hanya terdapat selepas 1 kilometer dari

tapak projek dan tanah berkenaan juga milik Sime Darby. Lokasi cadangan tapak pembinaan jambatan dan persekitarannya adalah seperti di **Peta 1.3** berikut.

- c. Lokasi jambatan yang dicadangkan melintasi sungai Pegalan dan menghubungkan jalan utama di KM14.5 Jln Keningau-Tenom ke Ladang Melalap adalah merupakan tanah persendirian milik Sime Darby. Panjang tanah persendirian yang terlibat dengan projek pembinaan jambatan ini adalah 1.3 km. Tanah persendirian ini belum mempunyai akses jalan raya ke kawasan penempatan yang terhampir iaitu 7 km. JKR Cawangan Tenom memaklumkan peruntukan untuk mengambil alih dan membina jalan di kawasan yang dihubungkan masih belum dipohon.

Peta 1.3
Lokasi Cadangan Pembinaan Jambatan



Sumber: Jabatan Kerja Raya

- d. Semakan Audit mendapati kontrak pembinaan jambatan ini telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 30 April 2012 melalui Tender Terhad. Kontrak bernilai RM14.9 juta telah ditandatangani pada 28 Ogos 2012 dan tempoh siap kerja adalah selama 18 bulan iaitu mulai daripada tarikh milik tapak pada 5 September 2012 hingga tarikh siap pada 4 Mac 2014. Semakan Audit juga mendapati pembayaran kepada kontraktor telah dibuat sebanyak 2 kali iaitu bagi bayaran pendahuluan RM2.23 juta dan bayaran interim pertama RM0.66 juta. Namun demikian sehingga kini status kemajuan kerja sebenar masih 0% (sifar).
- e. Bayaran interim pertama adalah bagi *General Items* antaranya adalah bon pelaksanaan, insurans, bayaran PERKESO dan Levi CIDB serta pembelian bahan-bahan binaan oleh pihak kontraktor sebelum memulakan kerja pembinaan. Bahan-bahan binaan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**.

Gambar 1.3
Bahan Mentah Yang Telah Dibeli



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Milik Pihak Kontraktor, Keningau.
Tarikh: 11 Oktober 2013

Gambar 1.4
Bahan Mentah Yang Telah Dibeli



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Milik Pihak Kontraktor, Keningau.
Tarikh: 11 Oktober 2013

- f. Lawatan Audit pada 11 Oktober 2013 mendapati pihak kontraktor belum memulakan projek pembinaan Jambatan di Kg. Natanduan. Ini disebabkan pihak kontraktor belum mendapat kelulusan untuk memasuki Ladang Melalap yang dimiliki oleh Sime Darby bagi melaksanakan projek jambatan tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan proses pengambilan tanah bagi projek ini di bawah Seksyen 3, Ordinan Pengambilan Tanah, Bab 69 belum diselesaikan. Keadaan terkini di tapak projek pembinaan jambatan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**.

Gambar 1.5
Papan Tanda Projek Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Kg. Natanduan, Keningau
Tarikh: 11 Oktober 2013

Gambar 1.6
Tapak Jambatan Yang Menunjukkan Belum Ada Kerja Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Kg. Natanduan, Keningau
Tarikh: 11 Oktober 2013

Gambar 1.7
Keadaan Fizikal Terkini
Lokasi di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Kg. Natanduan, Keningau
Tarikh: 11 Oktober 2013

Gambar 1.8
Keadaan Fizikal Terkini
Lokasi di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Kg. Natanduan, Keningau
Tarikh: 11 Oktober 2013

- g. **Maklum balas daripada JKR pada 4 Februari 2014 menyatakan, bahawa tanah tersebut disahkan milik Sime Darby Plantation oleh Pejabat Tanah dan Ukur Daerah Tenom pada 9 November 2012. Proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 3, Ordinan Pengambilan Tanah, Bab 69 telah dikeluarkan melalui pewartaan pertama pada 26 Disember 2013 dan pewartaan kedua pada 2 Februari 2014. Pihak JKR memaklumkan bahawa pembayaran berjumlah RM2.23 juta kepada kontraktor adalah berdasarkan klaus 69.1 (*PWD Form 203A*) yang mana pihak kontraktor layak untuk dibayar wang pendahuluan.**

Pada pendapat Audit, projek pembinaan jambatan ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat masalah pemilikan tanah yang perlu diselesaikan sebelum projek dapat dimulakan. Selain itu, kemudahan jalan raya menghubungkan jambatan dengan perkampungan terdekat juga perlu dibina terlebih dahulu agar jambatan dapat dimanfaatkan sebaik siap dibina.

1.4.2.3. Pelaksanaan Projek Tertangguh

a. Jambatan Jln Pintas - Kubu, Beaufort

- i. Projek pembinaan jambatan Jln Pintas - Kubu, Beaufort sepanjang 16 meter telah dimulakan pada 3 November 2010 dan perlu disiapkan dalam tempoh 15 bulan iaitu pada 2 Februari 2012 dengan kos RM1.31 juta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek pembinaan ini masih dalam pelaksanaan walaupun tempoh sepatut siap telah tamat. Perkara ini berlaku disebabkan JPS sedang melaksanakan projek pelebaran sungai bagi Rancangan Mencegah Banjir Sungai Ulu Klias Fasa 2 di kawasan yang sama. Hasil daripada proses pelebaran sungai ini yang asalnya 16 meter telah dilebarkan menjadi 35 meter menyebabkan reka bentuk asal tidak bersesuaian iaitu daripada aspek panjang jambatan bersesuaian dengan lebar sungai. Arahan Perubahan Kerja No 1

bertarikh 25 Julai 2012 telah dikeluarkan untuk mengubahsuai reka bentuk jambatan tersebut. Oleh yang demikian, pihak kontraktor memohon lanjutan masa selama 668 hari iaitu dari 3 Februari 2012 sehingga 1 Disember 2013. Kos projek telah meningkat sebanyak RM3.07 juta atau 234.4% daripada RM1.31 juta kepada RM4.38 juta dan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Sabah pada 8 April 2013. Lawatan Audit telah dijalankan pada 10 Oktober 2013 dan keadaan projek pembinaan jambatan adalah seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Jln Pintas-Kubu, Beaufort
Tarikh: 10 Oktober 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Jln Pintas-Kubu, Beaufort
Tarikh: 10 Oktober 2013

- ii. **Maklum balas daripada JKR pada 4 Februari 2013 menyatakan, semasa proses reka bentuk jambatan pada tahun 2009, pihak JKR tidak mendapat apa-apa maklumat mengenai projek pelebaran sungai yang dicadangkan oleh JPS.** Lawatan tapak telah dijalankan semasa proses reka bentuk jambatan oleh pegawai JKR mendapati tiada tanda yang menunjukkan kerja pembinaan yang dijalankan di sekitar kawasan jambatan dan mengikut rekod minit mesyuarat Majlis Tindakan Daerah yang diperolehi pada tahun 2007 sehingga 2009 juga tidak ada maklumat mengenai projek pelebaran sungai.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini kurang memuaskan kerana projek tertangguh disebabkan oleh maklumat tapak projek tidak mencukupi semasa proses reka bentuk menyebabkan projek tertangguh selama 668 hari.

b. **Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut Kg. Nabutan, Ranau**

- i. Projek pembinaan jambatan ini yang bernilai RM6.29 juta adalah bertujuan untuk mewujudkan perhubungan melalui jalan yang akan dibina yang menghubungkan Kota Kinabalu dan Sandakan dan kampung-kampung di seberang Sungai Liwago. Pengguna jambatan ini adalah penduduk di 8 buah kampung seramai 2,600 orang. Ia dibina untuk menggantikan jambatan besi yang telah dihanyutkan

semasa banjir pada tahun 2009. Projek pembinaan jambatan ini akan membolehkan penambahbaikan rangkaian jalan raya dan memudahkan pengangkutan hasil pertanian penduduk untuk dipasarkan.

- ii. Projek ini telah ditawarkan secara Tender Terbuka kepada sebuah kontraktor tempatan dan perlu disiapkan pada 7 September 2013 dalam tempoh 18 bulan. Lawatan Audit yang dijalankan pada 21 Oktober 2013 mendapati projek pembinaan jambatan masih dalam pelaksanaan dengan status kemajuan kerja sebanyak 84% sungguhpun tempoh sepatut siap telah tamat. Projek ini telah mendapat kelulusan EOT selama 120 hari disebabkan hujan lebat yang berterusan dan mengakibatkan jambatan sementara yang dibina bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan jambatan dihanyutkan sebanyak 2 kali yang mana telah menjelaskan kerja-kerja kontraktor. Semakan Audit mendapati tempoh lanjutan yang diluluskan adalah sehingga 4 Januari 2014. Keadaan di tapak projek pembinaan jambatan adalah seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.16**.

Gambar 1.15
Keadaan Fizikal Projek
Pembinaan Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut, Ranau
Tarikh: 21 Oktober 2013

Gambar 1.16
Keadaan Fizikal Projek
Pembinaan Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sg. Liwago Di Vulanut, Ranau
Tarikh: 21 Oktober 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Februari 2014, pihak Jabatan Kerja Raya memaklumkan bahawa jambatan tersebut telah 94.9% siap dan pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk EOT yang kedua disebabkan projek mengalami kelewatan akibat hujan yang berterusan. Keadaan fizikal terkini adalah seperti di Gambar 1.17 dan Gambar 1.18.**

Gambar 1.17
Keadaan Fizikal Terkini
Projek Pembinaan Jambatan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Sg. Liwago Di Vulcanut, Ranau
Tarikh: 20 Januari 2014

Gambar 1.18
Keadaan Fizikal Terkini
Projek Pembinaan Jambatan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Sg. Liwago Di Vulcanut, Ranau
Tarikh: 20 Januari 2014

Pada pendapat Audit, tahap penyiapan projek ini adalah memuaskan kerana telah mencapai 94.9% walaupun mengalami kelewatan dengan lanjutan masa.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan terus berulang, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.5.1.** Meningkatkan kualiti sistem kerja sedia ada dengan mengadakan pelan mitigasi bagi memastikan tiada kelewatan dalam pembinaan jambatan akibat permasalahan tapak.
- 1.5.2.** Meningkatkan komunikasi dan koordinasi serta *engagement* dengan semua *stakeholder* terlibat semasa proses kajian tapak dan reka bentuk jambatan.
- 1.5.3.** Meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja kontraktor bagi mengelakkan kelewatan penyiapan projek serta mengurangkan tempoh lanjutan masa yang panjang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

2. PENGURUSAN PROGRAM e-DESA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program e-Desa merupakan salah satu strategi Kerajaan Negeri dalam membangunkan *Information And Communication Technology* (ICT) untuk merapatkan jurang teknologi digital di kalangan komuniti luar bandar di Negeri Sabah. Melalui program ini, Kerajaan Negeri Sabah meletakkan harapan agar dapat melahirkan komuniti setempat yang celik teknologi maklumat (IT) dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat (KPSKTM) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Program e-Desa dengan kelengkapan ICT dan capaian internet untuk golongan sasaran mengakses maklumat. Selain menyediakan Pusat e-Desa, KPSKTM juga menyediakan latihan dan bimbingan mengenai ICT kepada golongan sasar untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pengurusan Pusat e-Desa diserahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan e-Desa (JKPeD) yang diwujudkan di kawasan terlibat dan dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan latihan serta bimbingan ICT kepada golongan sasaran.

2.1.2. Melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu mulai tahun 2004 sehingga 2013, Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan sejumlah RM10.45 juta untuk menyediakan 32 Pusat e-Desa termasuk kelengkapan perabot dan peralatan ICT. Sepanjang tempoh tersebut juga KPSKTM telah menggunakan sejumlah RM1.07 juta atau 64.5% daripada RM1.66 juta peruntukan untuk tujuan perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM4.87 juta atau 89% daripada RM5.47 juta peruntukan telah dibelanjakan untuk tujuan pembangunan Program e-Desa. Butiran peruntukan dan perbelanjaan bagi aktiviti mengurus dan pembangunan untuk tahun 2011 hingga Mei 2013 adalah seperti **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pengurusan Dan Pembangunan Program e-Desa
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Perkara	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Mengurus	2011	0.51	0.30	59.9
	2012	0.62	0.46	73.4
	2013	0.53	0.31	58.6
	Jumlah	1.66	1.07	64.5
Pembangunan	2011	-	-	-
	2012	2.09	1.52	72.7
	2013	3.38	3.35	99.1
	Jumlah	5.47	4.87	89.0

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program e-Desa telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai matlamatnya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat KPSKTM di Kota Kinabalu dan melawat 9 daripada 21 buah atau 43% Pusat e-Desa. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan Program e-Desa. Temu bual juga diadakan dengan Pegawai KPSKTM yang terlibat, operator dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Pusat e-Desa (JKPeD) serta soal selidik terhadap responden yang berkenaan. Selain itu, satu taklimat daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multi Media (SKMM) yang melaksanakan Program Pusat Internet 1 Malaysia(PI1M) telah dijadikan *benchmark* dalam pengurusan Program e-Desa.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2013 hingga September 2013 mendapati pelaksanaan Program e-Desa di Negeri Sabah adalah memuaskan kerana telah memberi manfaat dalam bidang ICT kepada penduduk setempat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pelantikan operator kurang teratur.
- Peralatan ICT dan persekitaran Pusat e-Desa tidak disenggara.
- Peralatan ICT tidak digunakan sepenuhnya.

2.4.1. Prestasi Pembinaan Pusat e-Desa

2.4.1.1. Projek pembinaan Pusat e-Desa adalah dengan menyediakan prasarana yang lengkap seperti bangunan, perabot dan peralatan ICT yang berkaitan bagi membolehkan pusat beroperasi dengan jayanya. Program e-Desa dimulakan pada tahun 2004, di mana Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang telah dibina sebagai perintis kepada program ini dan sehingga tahun 2013 disasarkan 32 Pusat e-Desa akan dibina untuk kemudahan penduduk setempat.

2.4.1.2. Semakan Audit sehingga September 2013 terhadap laporan projek pembinaan mendapati 21 daripada 32 Pusat e-Desa yang dirancang telah siap dibina dalam tempoh 2004 hingga 2013 dengan kos berjumlah RM8.52 juta. Manakala 5 Pusat e-Desa masih dalam pembinaan dan 6 lagi belum mula seperti di **Jadual 2.2**. Sepuluh daripada 21 Pusat e-Desa tersebut telah disiapkan dalam tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.2
Ringkasan Prestasi Pelaksanaan Pusat e-Desa
Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2012

Rancangan	Telah Siap	Dalam Pembinaan	Belum Mula
32	21	5	6

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

Jadual 2.3
Pusat e-Desa Yang Dibina Sehingga Tahun 2013

Bil.	Pusat e-Desa	Tahun Siap	Kos Pembinaan (RM)
1.	Bundu Tuhan, Kundasang	2004	229,946
2.	Karanaan, Tambunyan	2005	256,500
3.	Indai, Tuaran	2005	256,500
4.	Pekan Muhibbah, Sandakan	2005	256,000
5.	Pantai Emas, Usukan Kota Belud	2007	351,600
6.	Saga-Saga, Membakut	2007	351,600
7.	Mesapol	2007	351,600
8.	Kemabong	2007	351,600
9.	Tangkarason, Beluran	2008	422,000
10.	Taviu, Telupid	2008	399,000
11.	Adong, Matunggong	2008	379,000
12.	Marak-Parak, Kota Merudu	2012	433,121
13.	Simpang Entilibon, Tongod	2012	424,596
14.	Andap Bangau, Kudat	2012	490,869
15.	Makaniton, Tenom	2012	529,468
16.	Palu-Palu, Kuala Penyu	2012	484,360
17.	Sinulihan Baru, Sook	2013	409,820
18.	Topokon, Tamparuli	2012	522,785
19.	Salarom Taka, Nabawan	2013	587,477
20.	Sapagaya hulu, Lahad Datu	2013	516,485
21.	Minusah, Tongod	2013	516,485
Jumlah			8,521,313

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

2.4.1.3. Berdasarkan *Rolling Plan* Kedua (RP2) RMKe-10 bagi tahun 2012 dan 2013, Mesyuarat Jemaah Kabinet Negeri pada 16 November 2011 telah meluluskan pembinaan 13 daripada 32 projek Pusat e-Desa dalam tahun 2012 dan 2013 yang melibatkan kos berjumlah RM8.84 juta. Status pembinaan Pusat e-Desa di Negeri Sabah yang sepatutnya siap pada tahun 2012 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Status Pembinaan Pusat e-Desa Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2013

Bil.	Status Projek	Pusat e-Desa	Tarikh Sepatuinya Siap	Tahun Siap Dibina	Kontraktor Yang Dilantik
1.	Pusat e-Desa Yang Siap Dibina	1. Minusah, Tongod	31.12.2013	04.01.2013	ABSC
		2. Sapagaya Hulu, Lahad Datu	31.12.2013	19.03.2013	ABSC
2.	Pusat e-Desa Yang Sedang Dibina	1. Kg. Padawan, Papar	31.12.2013	Dalam Pembinaan	ABSC
		2. Kg. Sungai Tiram, Sandakan	31.12.2013	Dalam Pembinaan	ABSC
		3. Kg. Kigiok, Ranau			ABSC
		4. Kg. Sungai Napas, Beluran			ABSC
		5. Kg. Kalabakan, Tawau			ABSC
3.	Pusat e-Desa Yang Belum Dibina	6. Buah Pusat e-Desa – Tapak Belum Ditentukan	TM	Belum Bina	TM

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

2.4.1.4. Semakan Audit mendapati *Advanced Business System Consultant Sdn. Bhd.* (ABSC) telah dilantik oleh KPSKTM secara rundingan terus untuk membina 10 buah Pusat e-Desa pada tahun 2005 hingga 2008 dan juga 7 buah pada tahun 2013. Dua buah Pusat e-Desa iaitu Pusat e-Desa Kg. Sapagaya Hulu, Lahad Datu dan Kg. Minusuh, Tongod yang dibina oleh ABSC dirancang siap pada 31 Disember 2013 tetapi telah siap dibina mendahului jadual pada 19 Mac 2013 dan 4 Januari 2013. Manakala, Pusat e-Desa Kg. Padawan, Papar masih dalam peringkat pembinaan. Difahamkan, kerja pembinaan dimulakan pada 17 Ogos 2013 setelah mendapat kebenaran masuk tapak daripada Jabatan Tanah Dan Ukur pada 18 Julai 2013.

2.4.1.5. Selanjutnya bagi 5 buah lagi Pusat e-Desa yang diserahkan kepada ABSC untuk pembinaan iaitu di Pusat e-Desa Sungai Tiram, Sandakan, Pusat e-Desa Kg. Kigiok, Ranau; Pusat e-Desa Kg. Sungai Napas, Beluran dan Pusat e-Desa Kg. Kalabakan, Tawau dirancang siap pada 31 Disember 2013. Tarikh mula kerja telah dirancang bermula pada 1 Mei 2013. Namun begitu, kerja pembinaan Pusat e-Desa Kg. Sungai Tiram, Sandakan dan Kg. Kigiok, Ranau hanya dimulakan pada 17 September 2013 dan pada 5 Oktober 2013 bagi Pusat e-Desa Kg. Sg. Napas. Tempoh kelewatan memulakan kerja pembinaan adalah antara 137 hingga 155 hari. Manakala, kerja pembinaan Pusat e-Desa Kg. Kalabakan, Tawau dimulakan pada 8 November 2013 kerana lewat mendapat kelulusan memasuki tapak untuk memulakan kerja.

Pada pendapat Audit, projek pembinaan Pusat e-Desa adalah memuaskan kerana 21 daripada 32 Pusat e-Desa yang diluluskan telah siap dibina. Selain itu, 5 Pusat e-Desa sedang dalam pembinaan. Sehubungan itu, KPSKTM perlulah berusaha untuk memastikan 6 Pusat e-Desa yang telah dirancang dapat dilaksanakan bagi memastikan objektif Kerajaan dapat dicapai.

2.4.2. Prestasi Penggunaan Pusat e-Desa

Peralatan ICT yang sediakan di setiap Pusat e-Desa adalah bagi memudahkan pengguna mengakses internet dan menggunakan peralatan ICT untuk aktiviti seperti menyiapkan tugas, pembelajaran dan mendapatkan maklumat terkini. Norma penggunaan sesebuah Pusat e-Desa dalam sesuatu masa adalah antara 15 hingga 20 orang pengguna dan kapasiti penggunaan pusat adalah seramai 2,730 orang setahun.

2.4.2.1. Semakan Audit terhadap Daftar Pengguna Kemudahan bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati seramai 28,937 orang telah menggunakan komputer dan melayari internet di 8 buah Pusat e-Desa yang dilawati. Bilangan pengguna di 8 buah Pusat e-Desa bagi tahun 2011 hingga September 2013 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5

Bilangan Pengguna Kemudahan Di 8 Buah Pusat e-Desa Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Pusat e-Desa	Tahun Mula Beroperasi	Bilangan Pengguna (Orang) Mengikut Tahun			Jumlah
			2011	2012	2013	
1.	Bundu Tuhan, Kundasang	2004	2,531	1,866	1,379	5,776
2.	Topokon, Tamparuli	2012	Belum Beroperasi	1,081	4,680	5,761
3.	Adong, Matunggong	2008	Belum Beroperasi		3,689	3,689
4.	Andap Bangau, Kudat	2012	Belum Beroperasi	2,345	1,731	4,076
5.	Sinulihan Baru, Sook	2013	Belum Beroperasi		812	812
6.	Tangkarason, Beluran	2008	585	629	1,601	2,815
7.	Taviu, Telupid	2008	1,704	1,111	2,579	5,394
8.	Sapagaya Hulu, Lahad Datu	2013	Belum Beroperasi		613	613
Jumlah Keseluruhan			4,820	7,032	17,084	28,936

Sumber: Buku Harian Pusat e-Desa

2.4.2.2. Berdasarkan analisis terhadap jumlah pengguna bagi tempoh 2011 hingga 2013 di **Jadual 2.5** di atas, jumlah keseluruhan pengguna Pusat e-Desa pada tahun 2012 didapati telah meningkat sebanyak 45.89% atau 2,212 orang pengguna berbanding tahun 2011. Manakala pada tahun 2013, pengguna Pusat e-Desa terus meningkat sebanyak 58.81% atau 10,052 orang pengguna berbanding tahun 2012. Perkara ini berlaku disebabkan pertambahan 3 Pusat e-Desa yang beroperasi pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya.

2.4.2.3. Analisis jumlah pengguna di setiap Pusat e-Desa mendapati Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang yang beroperasi melebihi 3 tahun mencatatkan penurunan bilangan pengguna. Jumlah pengguna Pusat e-Desa pada tahun 2012 dan 2013 mencatatkan penurunan bilangan pengguna masing-masing sebanyak 26.27% ataupun 665 orang dan 26.10% atau orang. Penurunan jumlah pengguna adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

a. Komputer Tidak Dapat Digunakan Kerana Rosak

Lawatan Audit ke Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang pada 5 Jun 2013 mendapati 13 daripada 20 buah *Central Processing Unit* (CPU) tidak dapat digunakan kerana rosak seperti di **Gambar 2.1**.



Gambar 2.1
13 buah Central Processing Unit Rosak
Dan Tidak Dibaiki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang
Tarikh: 5 Jun 2013

b. Akses Internet Kurang Memuaskan

Temu bual dengan operator dan ahli JKPeD di 7 buah Pusat e-Desa mendapati akses internet di Pusat e-Desa Taviu, Telupid adalah kurang memuaskan dan mengambil masa yang lama untuk melayari internet.

c. Operator Tidak Dilantik Untuk Mengurus Pusat E-Desa

Lawatan Audit ke Pusat e-Desa Taviu, Telupid mendapati tiada operator dilantik bagi menguruskan Pusat e-Desa. Operator berhenti kerana mendapat pekerjaan lain dan menyambung pelajaran.

d. Persaingan Dengan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M)

Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) yang menyediakan kemudahan yang sama seperti Pusat e-Desa beroperasi pada jarak 4 kilometer daripada Pusat e-Desa Kg. Taviu, Telupid. Kemudahan yang lebih kondusif dan kadar bayaran penggunaan yang lebih murah iaitu RM1.50 sejam berbanding RM 2.50 sejam di Pusat e-Desa.

2.4.2.4. Kesan penurunan bilangan pengguna menyebabkan Pusat e-Desa tidak dapat dimanfaatkan secara optimum. Namun begitu, semakan Audit terhadap laporan aktiviti Pusat e-Desa mendapati JKPeD telah menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti program derma darah, pertandingan bola sepak, pertandingan sepak takraw dan menjual pakaian terpakai sebagai langkah untuk mempromosikan dan menggalakkan pengguna berkunjung ke Pusat e-Desa. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Disember 2013, pihak KPSKTM telah membaiki komputer yang rosak di Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang selepas teguran Audit. Selain itu, KPSKTM sedang mencari Syarikat Perkhidmatan Internet yang boleh memberikan khidmat pengaksesan yang lebih baik serta mengkaji semula mekanisme pengurusan bersama JKPeD masing-masing.**

Pada Pendapat Audit, prestasi penggunaan Pusat e-Desa adalah memuaskan kerana jumlah pengguna kemudahan ICT di Pusat e-Desa adalah meningkat kecuali di Pusat e-Desa Bundu Tuhan dan Pusat e-Desa Taviu, adalah menurun pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya.

2.4.3. Prestasi Latihan ICT Yang Dianjurkan

Objektif Program e-Desa yang keempat adalah untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan mengenai ICT kepada kumpulan sasar. Aktiviti utama yang dijalankan di Pusat e-Desa adalah latihan-latihan ICT yang disalurkan oleh KPSKTM. Jawatankuasa Pengurusan e-Desa (JKPeD) bertanggungjawab untuk menyusun aktiviti yang akan dijalankan di Pusat e-Desa dan penganjuran kursus adalah bergantung kepada permintaan JKPeD. Semakan Audit mendapati, KPSKTM tidak menetapkan sasaran jumlah kursus yang dijalankan ataupun jumlah peserta yang perlu dilatih di setiap Pusat e-Desa.

2.4.3.1. KPSKTM telah melantik AMC The School of Business (AMC) iaitu syarikat milik ABSC untuk mengendalikan kursus atau latihan ICT, *Microsoft Certified IT Professional* (MCITP), *CISCO Certified Network Associate* dan Kursus Bahasa English, Korean, Japanese and Mandarin di seluruh Negeri Sabah bagi tempoh 15 tahun iaitu bagi tempoh tahun 2010 hingga 2025 dengan kos latihan setahun berjumlah RM28 juta. Perihal kursus, sasaran bilangan peserta dan jumlah kos latihan setahun yang dijalankan oleh AMC adalah seperti **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Perihal Kursus, Sasaran Bilangan Peserta Dan Jumlah Kos Latihan Setahun Yang Dijalankan Oleh AMC

Perihal Kursus	Sasaran Bilangan Peserta Setahun (Orang)	Kos Seorang Peserta (RM)	Jumlah Kos Latihan Setahun (RM)
Latihan ICT	57,500	300	17,700,000
Microsoft Certified IT Profesional (MCITP)	50	11,000	550,000
CISCO Certified Network Associate	52	11,000	550,000
Kursus Bahasa			
1. English	2,105	4,000	8,000,000
2. Korea	102	4,000	400,000
3. Japanee	100	4,000	400,000
4. Mandarin	100	4,000	400,000
Jumlah Keseluruhan	60,009	38,300	28,000,000

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

2.4.3.2. Semakan Audit mendapati seramai 10,857 peserta telah mengikuti latihan yang dilaksanakan oleh AMC di 21 Pusat e-Desa bagi tempoh 2011 sehingga 2013 seperti di **Jadual 2.7.**

Jadual 2.7

Latihan Yang Dilaksanakan Oleh AMC Di 21 Pusat e-Desa Bagi Tempoh 2011 Sehingga 2013

Bil	Pusat e-Desa	Tahun Mula Beroperasi	Bilangan Peserta Latihan			Jumlah
			2011 (Orang)	2012 (Orang)	2013 (Orang)	
1.	Bundu Tuhan, Ranau	2004	100	33	267	400
2.	Karanaan, Tambunan	2005	490	310	539	1339
3.	Indai, Tuaran	2005	40	0	0	40
4.	Muhibbah, Sandakan	2005	Berhenti Beroperasi Pada Tahun 2010			0
5.	Pantai Emas, Kota Belud	2007	501	336	0	837
6.	Saga-Saga, Membakut	2007	120	55	38	213
7.	Mesapol, Sipitang	2007	596	74	0	670
8.	Kemabong, Tenom	2007	405	125	0	530
9.	Tangkarason, Beluran	2008	102	206	1,059	1,367
10.	Taviu, Telupid	2008	351	677	548	1,576
11.	Adong, Matunggong	2008	308	144	0	452
12.	Marak Parak, Kota Marudu	2012			371	764
13.	Simpang Entilibon, Tongod	2012			0	431
14.	Andap Bangau, Kudat	2012			0	255
15.	Makaniton, Tenom	2012			0	0
16.	Palu-Palu, Kuala Penyu	2012			0	76
17.	Topokon, Tamparuli	2012			0	690
18.	Sinulihan Baru, Sook	2013			248	248
19.	Sapagaya, Lahad Datu	2013			598	598
20.	Minusah, Tongod	2013			0	0
21.	Salarom Taka, Nabawan	2013			0	0
Jumlah Keseluruhan			3,013	2,331	5,513	10,857

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

2.4.3.3. Analisis terhadap **Jadual 2.7**, didapati penyertaan latihan ICT yang dilaksanakan di Pusat e-Desa pada tahun 2012 telah menurun sebanyak 682 peserta atau 22.64% berbanding 3,013 peserta pada tahun 2011. Bilangan penyertaan latihan ICT di Pusat e-Desa mencatatkan peningkatan pada tahun 2013 sebanyak 3,182 peserta atau 136.51% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan bilangan penyertaan latihan ICT di Pusat e-Desa adalah disebabkan pertambahan Pusat e-Desa yang beroperasi. Semakan Audit mendapati 8 buah Pusat pada tahun 2011 dan 2012 serta 9 buah pusat e-Desa pada tahun 2013 tidak pernah menganjurkan latihan ICT. Perkara ini berlaku disebabkan tiada permintaan untuk menjalankan latihan ICT di Pusat e-Desa daripada JKPeD.

Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Disember 2013, latihan ICT tidak dapat dijalankan di Pusat e-Desa yang baharu beroperasi pada tahun 2012 disebabkan pengurusan JKPeD baru dibentuk dan operasi harian masih di peringkat permulaan.

Pada pendapat Audit, secara umumnya pencapaian latihan ICT di Pusat e-Desa adalah memuaskan kerana bilangan peserta yang dilatih di Pusat e-Desa meningkat setiap tahun. Namun begitu, Kementerian (KPSKTM) perlu memastikan latihan ICT di Pusat e-Desa sentiasa dijalankan di semua Pusat e-Desa bagi memastikan objektif untuk membangunkan masyarakat celik ICT tercapai.

2.4.4. Pelantikan Operator Pusat e-Desa

2.4.4.1. Panduan Pusat e-Desa – Pelantikan Operator V2.0 menetapkan kuasa JKPeD untuk melantik sekurang-kurangnya seorang operator secara bertulis, menyediakan latihan, kursus dan skil yang diperlukan dan wajar diberi elaun sagu hati yang ditentukan oleh JKPeD. Lawatan Audit ke 8 buah Pusat e-Desa yang beroperasi mendapati 3 daripada 8 JKPeD tidak melantik operator manakala operator di 5 JKPeD tidak dilantik secara bertulis. Selain itu, 2 daripada 5 Pusat e-Desa tidak membayar elaun sagu hati kepada operator. Butiran pelantikan dan elaun bulanan operator di 8 Pusat e-Desa adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Pelantikan Dan Elaun Operator Di 8 Pusat e-Desa

Bil.	Pusat e-Desa	Nama Operator	Pelantikan Secara Bertulis (Ada/Tiada)	Elaun Sagu hati (RM)
1.	Bundu Tuhan, Kundasang	Junier Siam	Tiada	100.00 Sebulan
2.	Topokon, Tamparuli	1. Yatimah Razimin 2. Andynus Anik 3. Adriana Duanis	Tiada	30.00 Sehari
3.	Adong, Matunggong	Tiada Operator Dilantik	TB	TB
4.	Andap Bangau, Kudat	Rudiah Lunduman	Tiada	Tiada
5.	Sinulihan Baru, Sook	Nurhazlia Juanis Abd	Tiada	200.00 - 250.00 Sebulan
6.	Tangkarason, Beluran	Tiada Operator Dilantik	TB	TB
7.	Taviu, Telupid	Tiada Operator Dilantik	TB	TB
8.	Sapagaya Hulu, Lahad Datu	Rosezana Edmund	Tiada	Jumlah Elaun Belum Diputuskan Oleh JKPeD

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat
Nota: TB – Tidak Berkenaan

2.4.4.2. Pelantikan 5 operator di Pusat e-Desa tidak dibuat secara bertulis kerana pelantikan operator hanya dibuat semasa mesyuarat JPKeD. Elaun yang dibayar kepada operator di setiap Pusat e-Desa adalah tidak seragam disebabkan jumlah elaun sagu hati yang dibayar kepada operator adalah bergantung kepada kedudukan kewangan JPKeD di Pusat e-Desa masing-masing. Selain itu, operator yang dilantik di Pusat e-Desa Tangkarason dan Taviu didapati telah berhenti kerana mendapat pekerjaan lain atau menyambung pelajaran dan masih tidak diganti. Oleh itu, tugas operator terpaksa diambil alih oleh ahli JPKeD yang bertugas secara sukarela dan bergilir-gilir untuk mengurus operasi Pusat e-Desa. Kesannya, masa operasi Pusat e-Desa tidak dapat mengikut jadual dan ini menyukarkan pengguna mengunjungi Pusat e-Desa. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Disember 2013, pihak KPSKTM akan mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah pelantikan operator yang tidak teratur.**

2.4.4.3. Pihak Audit telah membuat perbandingan dengan pihak SKMM mengenai pengurusan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M), adalah didapati PI1M menempatkan 2 orang petugas kontrak selaku operator yang dilantik oleh pelaksana program (CELCOM) bagi menguruskan Pusat Internet 1 Malaysia. Operator yang dilantik adalah seorang Pengurus dan seorang Penolong Pengurus dengan bayaran bulanan RM2,000 bagi pengurus dan RM1,500 bagi penolong pengurus. Pengurus yang dilantik memiliki kelayakan minimum Ijazah atau setara dan penolong pengurus mempunyai kelayakan diploma atau STPM atau setara.

Pada pendapat Audit, pelantikan operator di 8 Pusat e-Desa adalah kurang memuaskan kerana 3 daripada 8 Pusat e-Desa yang dilawati tidak melantik operator dan 2 orang operator tidak dibayar elaun sagu hati.

2.4.5. Penyenggaraan Pusat e-Desa

Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995: Pengurusan Penyelenggaraan-Pewujudan Sistem Penyelenggaraan yang Dirancang dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010: Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menghendaki agensi menyediakan rancangan kerja penyenggaraan secara teratur dengan menggunakan kaedah pencegahan atau pemulihan bagi memastikan aset Kerajaan berfungsi dengan lancar dan selamat. Bangunan serta persekitarannya, peralatan ICT dan kemudahan Pusat e-Desa hendaklah disenggara untuk memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti.

2.4.5.1. Penyenggaraan Peralatan ICT

- a. Peralatan ICT di Pusat e-Desa hendaklah berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan untuk memberikan perkhidmatan pengaksesan IT kepada golongan sasar. Pihak Audit mendapati tiada rancangan penyenggaraan peralatan ICT disediakan sama ada oleh pihak KPSKTM ataupun JKPeD di Pusat e-Desa. Pemeriksaan Audit

di 3 daripada 8 Pusat e-Desa yang dilawati mendapati peralatan ICT rosak dan tidak dibaiki seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

Peralatan Rosak Yang Belum Dibaiki Di 3 Pusat e-Desa

Bil.	Pusat e-Desa	Perihal Peralatan Yang Rosak	Kuantiti (Unit)
1.	Bundu Tuhan, Kundasang	<i>Central Processing Unit (CPU)</i> seperti di Gambar 2.2 .	13
2.	Adong, Matunggong	<i>Central Processing Unit (CPU)</i> seperti di Gambar 2.3 . <i>Monitor Komputer</i>	1 1
3.	Tangkarason, Beluran	<i>Monitor Komputer</i> seperti di Gambar 2.4 .	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.2

13 Buah Central Processing Unit Rosak Dan Belum Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang
Tarikh: 5 Jun 2013

Gambar 2.3

CPU Dan Monitor Komputer Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 24 Jun 2013

Lokasi: Pusat e-Desa Adong, Matunggong



Gambar 2.4

Monitor Komputer Rosak Dan Tidak Dibaiki

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pusat e-Desa Tangkarason, Beluran
Tarikh: 9 September 2013

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW PA. 14) tidak disediakan dan laporan kerosakan hanya dibuat melalui panggilan telefon ataupun email kerana ahli JKPeD tidak pernah diberikan latihan pengurusan aset Kerajaan. Pembaikan tidak dibuat terhadap peralatan yang rosak di Pusat e-Desa disebabkan ahli JKPeD ataupun operator yang dilantik tidak mempunyai kepakaran untuk mengesahkan dan membaiki peralatan ICT yang rosak. Selain itu, pihak

KPSKTM tidak melakukan lawatan secara berkala untuk mengambil tindakan terhadap peralatan yang rosak. Kesannya, kemudahan tidak dapat dimanfaatkan oleh pengguna. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Februari 2014, KPSKTM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan latihan yang akan dilaksanakan mulai bulan April 2014 kepada semua operator Pusat e-Desa cara mengenal pasti masalah komputer. Penyenggaraan komputer yang rosak pada tahap minima akan dikendalikan oleh operator yang telah dilatih manakala bagi kerosakan yang besar akan disenggarakan oleh KPSKTM.**

- c. Semakan Audit dengan pihak SKMM mendapati syarikat yang membekal peralatan ICT dilantik untuk menyenggara peralatan ICT selama 5 tahun dari tarikh pembelian. Dengan kepakaran yang dimiliki oleh syarikat tersebut proses penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan cekap dan cepat.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan peralatan ICT adalah kurang memuaskan kerana terdapat peralatan di 3 buah Pusat e-Desa yang dilawati rosak dan belum dibaiki.

2.4.5.2. Penyenggaraan Persekutaran Pusat e-Desa

- a. Persekutaran Pusat e-Desa yang kondusif mampu memberikan keselesaan kepada pengguna yang mengunjunginya. JKPeD bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran Pusat e-Desa berada dalam keadaan yang kondusif dan selamat untuk digunakan. Harta dan aset yang dibekalkan hendaklah diurus mengikut Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010. Semakan Audit mendapati rancangan penyenggaraan secara berkala tidak dibuat terhadap Pusat e-Desa oleh JKPeD dan ianya dilaksanakan secara *ad-hoc*. Lawatan Audit ke Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang pada 5 Jun 2013, Pusat e-Desa Adong, Matunggong pada 24 Jun 2013, Pusat e-Desa Andap Bangau, Kudat pada 25 Jun 2013 dan Pusat e-Desa Tangkarason, Beluran 10 September 2013 mendapati perabot yang rosak disimpan dalam tandas dan pantri, tombol pintu tandas lelaki rosak dan siling di bilik makmal rosak kerana kebocoran bumbung yang tidak dibaiki seperti di **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.11**.

Gambar 2.5
Kerusi Rosak Disimpan Di Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 24 Jun 2013
Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Adong, Matunggong

Gambar 2.6
Kerusi Rosak Disimpan Di Pantri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 24 Jun 2013
Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Adong, Matunggong

Gambar 2.7
Tombol Pintu Tandas Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 September 2013
Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran



Gambar 2.8
Tombol Pintu Tandas Rosak Yang Telah Dibaiki

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat
Tarikh: 20 Februari 2014
Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran

Gambar 2.9
Siling Di Makmal Komputer Rosak Kesan Kebocoran Bumbung




Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 10 September 2013

Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran

Gambar 2.10
Bumbung Di Makmal Komputer Yang Bocor



Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

Tarikh: 10 September 2013

Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran

Gambar 2.11
Bumbung Di Makmal Komputer Yang Telah Dibaiki



Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

Tarikh: 20 Februari 2014

Lokasi: Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran

- b. Perkara ini berlaku disebabkan pusat e-Desa tidak mempunyai stor, pelupusan aset tidak dibuat dan kesukaran mendapatkan alat ganti untuk membuat pemberaan. Selain itu, permohonan untuk membaiki bumbung yang rosak belum mendapat maklum balas daripada KPSKTM. Kesannya, tandas dan pantri tidak dapat digunakan, Pusat e-Desa tidak kondusif dan selesa serta boleh menjadikan imej Kerajaan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Februari 2014, tindakan pemberaan telah dilaksanakan oleh JKPeD terhadap kerosakan tombol pintu dan siling makmal Pusat e-Desa Kg. Tangkarason, Beluran. Selain itu, KPSKTM telah mengarahkan JKPeD Pusat e-Desa Adong, Matunggong untuk membersihkan pantri dan tandas serta melaksanakan pelupusan aset termasuk peralatan ICT.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan persekitaran Pusat e-Desa adalah kurang memuaskan kerana JKPeD tidak menyenggara peralatan ICT dan persekitaran Pusat e-Desa secara berjadual.

2.4.6. Peralatan ICT Tidak Digunakan

2.4.6.1. Pemeriksaan Audit di 6 buah Pusat e-Desa mendapati sebanyak 5 unit *printer*, 4 unit *scanner*, 2 unit *WIFI Access Point* dan semua peralatan di Pusat e-Desa Kg. Muhibbah tidak digunakan. Butiran peralatan ICT yang tidak digunakan dan kos pembelian adalah seperti **Jadual 2.10** dan **Gambar 2.12** hingga **Gambar 2.22**.

Jadual 2.10

Peralatan Yang Tidak Digunakan Di Pusat e-Desa

Bil.	Pusat e-Desa	Perihal Peralatan Yang Tidak Digunakan	Kuantiti (Unit)	Kos Pembelian
1.	Topokon, Tamparuli	Canon LBP 7200CD Printer Canon CS5600F Scanner <i>Wifi Access Point</i>	1 1 1	2,230 728 3,072
2.	Bundu Tuhan, Kundasang	<i>Printer</i> <i>Scanner</i>	1 1	TM TM
3.	Adong, Matunggong	<i>Printer</i> <i>Scanner</i>	1 1	TM TM
4.	Andap Bangau, Kudat	Canon LBP 7200CD Printer <i>Wifi Access Point</i> Canon CS5600F Scanner	1 1 1	2,230 3,072 728
5.	Tangkarason, Beluran	<i>Printer</i>	1	TM
6.	Kampung Muhibbah, Sandakan	Intel® Pentium® 4 with HT Technology 3.0 GHz, 2MB L2 cache, 800MHz FSB, 512MB DDR2 SDRAM, 80GB SATA (7200rpm) Hard Drive, 48X DVD/CD-RW combo drive, Integrate graphics card with at least 64GB VRAM, 17" flat panel LCD Monitor, Stereo speakers, Keyboard, Optical Mouse	10	
		Acer Veriton M490 Core i3 processor – 355x – 500GB Hard Disk, 4 GB DDR3 SDRAM, Keyboard & Mouse, 18.5" LCD monitor with Windows 7, Microsoft(R) Office Productivity	10	
		Digital Camera	1	
		Printer – Laser, monochrome (Cannon LBP3000 Laser shot printer)	1	
		Printer – Color, ink jet (Cannon i905D Colour Printer)	1	
		UPS (P L Centron 600VA Koss UPS)	15	
		LCD/DLP/LCoS Projector (Cannon LVS4)	1	
		Projection screen, 8ft x 8ft (Tripod Screen)	1	
		Ethernet switch (Intellinet 16 port switch)	1	
		Linlesis wi-fi access point	1	
		UPS – Prolink Enerhome Pro850	10	
		Fire Extinguisher	1	
		Air-Conditioner	1	

Sumber: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat

Nota: TM – Tiada Maklumat

**Gambar 2.12
Printer Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Topokon, Tamparuli
Tarikh: 4 Jun 2013

**Gambar 2.14
Wifi Access Point Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Topokon, Tamparuli
Tarikh: 4 Jun 2013

**Gambar 2.16
Printer Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Adong, Matunggong
Tarikh: 24 Jun 2013

**Gambar 2.13
Scanner Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Topokon, Tamparuli
Tarikh: 4 Jun 2013

**Gambar 2.15
Printer Dan Scanner Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Bundu Tuhan, Kundasang
Tarikh: 5 Jun 2013

**Gambar 2.17
Scanner Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Andap Bangau, Kudat
Tarikh: 25 Jun 2013

Gambar 2.18
Wifi Access Point Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Andap Bangau, Kudat
Tarikh: 25 Jun 2013

Gambar 2.19
Printer Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Tangkarason, Beluran
Tarikh: 9 September 2013

Gambar 2.20
*Kamera Disimpan Rumah
Pengerusi JPKeD*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan
Tarikh: 12 September 2013

Gambar 2.21
*Scanner Disimpan
Di Rumah Pengerusi JPKeD*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan
Tarikh: 12 September 2013



Gambar 2.22
*Air-Conditioner Disimpan
Di Rumah Pengerusi JPKeD*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan
Tarikh: 12 September 2013

2.4.6.2. Mengikut maklum balas operator, *printer* yang dibekalkan di Pusat e-Desa tidak digunakan disebabkan kos dakwat yang mahal dan sukar diperolehi. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Disember 2013, KPSKTM akan meneliti jenis peralatan yang dibekalkan ke Pusat e-Desa pada masa akan datang bagi memastikan**

peralatan digunakan sepenuhnya. JKPeD membeli *printer* jenama lain yang mempunyai fungsi mencetak dan mengimbas serta menggunakan dakwat yang lebih murah dan mudah untuk diperolehi seperti di **Gambar 2.23**.



Gambar 2.23
Printer Yang Dibeli Oleh JKPeD

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Taviu, Telupid
Tarikh: 11 September 2013

2.4.6.3. Scanner tidak digunakan disebabkan keperluan menggunakan mesin scanner tidak menggalakkan. Selain itu, *Wifi Access Point* tidak digunakan disebabkan Pusat e-Desa terlibat tidak menawarkan perkhidmatan wifi kepada pengguna. Kesannya, peralatan tidak dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan terdedah kepada risiko kerosakan, keusangan dan kehilangan.

2.4.6.4. Lawatan Audit pada 12 September 2013 di Pusat e-Desa Kampung Muhibbah, Sandakan mendapati peralatan ICT disimpan di rumah Pengerusi JKPeD sejak Pusat e-Desa dirobohkan pada Ogos 2013. Menurut makluman Pengerusi JKPeD, Pusat e-Desa tidak beroperasi sejak tahun 2010 kerana tapak tersebut terlibat dengan pembangunan Pekan Muhibbah. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Disember 2013, peralatan ICT serta perabot Pusat e-Desa Kampung Muhibbah telah dipindahkan pada 6 hingga 8 November 2013 ke Pusat e-Desa Taviu sementara menunggu kelulusan pelupusan daripada Kementerian Kewangan.**

Pada pendapat Audit, penggunaan peralatan ICT di Pusat e-Desa adalah kurang memuaskan kerana terdapat peralatan di 5 buah Pusat e-Desa yang dilawati tidak digunakan.

2.4.7. Maklum Balas Pengguna

Bagi mendapat maklum balas mengenai keberkesanan Program e-Desa, borang soal-selidik diedarkan kepada pengguna yang datang menggunakan kemudahan di Pusat e-Desa. Maklum balas digunakan untuk mengetahui profil pengguna dan menilai sejauh mana Pusat e-Desa dapat memberi faedah kepada mereka. Sebanyak 117 daripada 130 borang soal selidik yang diedarkan telah dikembalikan. Butiran terperinci maklum balas yang diterima daripada borang soal selidik adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Analisis Soal Selidik Profil Pengguna

Bil.	Perkara	Kategori Pengguna	Bilangan Pengguna	Peratus (%)
1.	Umur	15 tahun ke bawah	27	23.08
		16 - 35 tahun	59	50.43
		36 – 50 tahun	26	22.22
		51 tahun ke atas	5	4.27
2.	Pekerjaan	Kerajaan	6	5.13
		Swasta	4	3.42
		Bekerja Sendiri	46	39.32
		Tidak Bekerja	19	16.24
		Pelajar	42	35.89

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

2.4.7.1. Pengguna Pusat e-Desa

Analisis Audit terhadap **Jadual 2.11** di atas, menunjukkan pengguna yang paling ramai mengunjungi Pusat e-Desa adalah dalam kategori umur 16 hingga 35 tahun iaitu sebanyak 59 orang atau 50.43%, diikuti dengan kategori umur 15 tahun ke bawah iaitu sebanyak 27 orang atau 23.08% daripada 117 orang responden. Ini menunjukkan sebahagian besar pengguna adalah terdiri daripada golongan belia. Sebanyak 46 orang atau 39.32% daripada mereka bekerja sendiri dan 42 orang atau 35.89% adalah pelajar.

2.4.7.2. Faedah Kepada Pengguna

Analisis Audit terhadap 117 orang responden mendapati 45 pengguna atau 38.46% mengetahui kewujudan Pusat e-Desa daripada rakan, 41 pengguna atau 35.04% dimaklumkan oleh penduduk kampung dan 11 pengguna atau 9.40% mengetahui daripada promosi yang dijalankan oleh Bahagian Kemajuan Teknologi Maklumat. Seramai 83 pengguna atau 70.94% mengunjungi Pusat e-Desa tidak memiliki kemudahan internet di rumah dan seramai 54 pengguna atau 46.16% mengunjungi *cyber café* untuk melayari internet sebelum Pusat e-Desa diwujudkan. Seramai 49 pengguna atau 41.88% mengunjungi Pusat e-Desa sekali dalam seminggu dan 72 pengguna atau 61.54% mengunjungi Pusat e-Desa bagi tujuan mencari maklumat. Seramai 90 pengguna atau 76.92% yang mengunjungi Pusat e-Desa pernah mengikuti latihan ICT yang dianjurkan. Seramai 103 pengguna atau 88.03% juga bersetuju bahawa kemudahan yang ada di Pusat e-Desa dapat membantu pengguna terutamanya memperolehi maklumat di internet. Secara amnya, pengguna telah mendapat faedah dengan pelaksanaan Program e-Desa ini. Namun begitu, seramai 47 pengguna atau 40.17% menyatakan gangguan akses internet ataupun *offline* adalah masalah yang kerap dihadapi semasa melayari intenet di Pusat e-Desa.

Pada pendapat Audit, Program e-Desa adalah memuaskan kerana telah dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat. Namun begitu, gangguan akses internet perlulah diatasi supaya perkhidmatan yang lebih baik dapat disediakan kepada pengguna.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program e-Desa dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat mengambil langkah berikut:

- 2.5.1.** Membuat penilaian ke atas keperluan sebenar masyarakat setempat terhadap Pusat e-Desa, melaksanakan koordinasi bersama SKMM untuk mengelakkan pertindihan pembinaan Pusat e-Desa dan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).
- 2.5.2.** Menetapkan sasaran latihan ICT di Pusat e-Desa dan memastikan syarikat yang dilantik melaksanakan program latihan ICT dengan kerjasama Pusat e-Desa bagi menarik minat pengguna mengunjungi Pusat e-Desa di samping boleh menjana pendapatan JKPeD.
- 2.5.3.** Mengkaji semula mekanisme pengoperasian Pusat e-Desa sama ada menyewakan kepada pihak yang berminat ataupun melantik *service provider* dengan membuat *benchmark* dengan PI1M agar Pusat e-Desa dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan.
- 2.5.4.** Merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara berjadual bagi memastikan peralatan ICT dan bangunan Kerajaan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

JABATAN PERTANIAN

3. PENGURUSAN INSTITUT PERTANIAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Institut Pertanian Sabah (IPS) merupakan salah satu unit di bawah Seksyen Latihan Dan Vokasional Jabatan Pertanian Sabah. IPS dahulunya dikenali sebagai Sekolah Vokasional Pertanian (SVP) telah ditubuhkan pada 20 Mac 1970 dan terletak di Pusat Latihan Pertanian di Daerah Tuaran. Pada bulan Mei 1974, SVP telah dipindahkan dari Daerah Tuaran ke Timbang Menggaris di Daerah Kota Belud. SVP telah diiktiraf menjadi Institut Pertanian pada bulan Januari 1980 dan bertanggungjawab melaksanakan kursus Sijil Pertanian seperti di 6 Institut Pertanian lain di seluruh Malaysia. Sejak penubuhan IPS sehingga tahun 2013, seramai 2,264 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan dan dianugerahkan Sijil Pertanian.

3.1.2. Objektif IPS adalah melatih belia dalam bidang pertanian agar dapat bekerja di sektor awam atau sektor swasta. Sehubungan itu, IPS bertanggungjawab melaksanakan program Sijil Pertanian selama 2 tahun kepada golongan belia bagi melahirkan tenaga pekerja mahir dalam bidang pertanian. Bermula pada tahun 1996, kurikulum latihan yang digunakan adalah sejajar dengan kurikulum Institut Pertanian di seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pertanian Malaysia.

3.1.3. Bagi memastikan program Sijil Pertanian di IPS berjalan lancar, peruntukan mengurus sejumlah RM7.58 juta telah diluluskan bagi tahun 2011 hingga 2013. Manakala, sejumlah RM7.06 juta atau 93.1% telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut mengenai peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

Peruntukan Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar IPS Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah
		2011	2012	2013	
1.	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	2.47	2.46	2.65	7.58
2.	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	2.34	2.28	2.44	7.06
3.	Pencapaian Perbelanjaan (%)	94.7	92.7	92.1	93.1

Sumber: IPS

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan program Sijil Pertanian dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif IPS.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi pengurusan pelajar, kurikulum latihan Sijil Pertanian, tenaga pengajar, kemudahan latihan dan penginapan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan adalah dengan mendapatkan maklumat melalui taklimat oleh pegawai IPS, membuat semakan serta menganalisis data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta menjalankan pemeriksaan fizikal. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan tenaga pengajar turut diadakan bagi mendapatkan ulasan mengenai program Sijil Pertanian yang dilaksanakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Julai hingga September 2013 mendapati pengurusan program Sijil Pertanian anjuran IPS adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah dan IPS seperti berikut:

- Kajian keberkesanan program Sijil Pertanian tidak pernah dijalankan.
- Sebuah bangunan asrama tidak digunakan kerana masalah sistem pembetungan.
- Sebuah pondok keselamatan tidak digunakan sejak siap dibina pada tahun 2011.
- Tindakan pelupusan tidak diambil terhadap barang-barang rosak.

3.4.1. Prestasi Program Sijil Pertanian

3.4.1.1. Kajian keberkesanan program Sijil Pertanian perlu dilaksanakan bagi menilai sejauh mana program Sijil Pertanian yang dianjurkan oleh IPS dapat memberi peluang kerjaya dalam bidang pertanian kepada graduan IPS. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah dan IPS tidak pernah menjalankan kajian keberkesanan program Sijil Pertanian sejak pelajar program Sijil Pertanian tamat latihan pada tahun 1980. **Berdasarkan maklum balas Jabatan Pertanian Sabah bertarikh 19 November 2013, bermula pada tahun 2012, IPS telah menjalankan Exit Survey semasa konvokesyen graduan IPS bagi mendapatkan maklumat mengenai kerjaya graduan masing-masing.**

3.4.1.2. Sehubungan itu, pihak Audit mengambil inisiatif dengan menjalankan pengesanan terhadap graduan IPS yang tamat latihan pada tahun 2011 hingga 2013. Ia adalah bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian program Sijil Pertanian anjuran IPS dengan mengesan bilangan graduan IPS yang telah mendapat pekerjaan menggunakan Sijil Pertanian masing-masing. Pihak Audit hanya berjaya mengesan seramai 89 orang atau 23.9% daripada 372 orang graduan IPS yang tamat latihan pada tahun 2011 hingga 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2.**

Jadual 3.2
Bilangan Graduan IPS Yang Berjaya Dikesan Bagi Tempoh 3 Tahun

Tahun	Bilangan Graduan IPS (Orang)	Bilangan Graduan IPS Berjaya Dikesan (Orang)	Peratusan Pengesahan Graduan IPS (%)
2011	128	43	33.6
2012	125	29	23.2
2013	119	17	14.3
Jumlah	372	89	23.9

Sumber: IPS

3.4.1.3. Analisis Audit mendapati seramai 85 orang atau 95.5% daripada 89 orang graduan IPS telah bekerja di sektor awam dan swasta sepadan dengan Sijil Pertanian yang diperoleh. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

Bilangan Graduan IPS Yang Telah Bekerja Sepadan Dengan Sijil Pertanian Yang Diperolehi Bagi Tempoh 3 Tahun

Tahun	Bilangan Graduan IPS Berjaya Dikesan (Orang)	Status Kerjaya Graduan IPS		Peratus Pencapaian Graduan IPS Mendapat Pekerjaan Sepadan Dengan Kursus Yang Diambil (%)
		Bekerja Sepadan Dengan Sijil Pertanian Yang Diperolehi (Orang)	Bekerja Tidak Sepadan Dengan Sijil Pertanian Yang Diperolehi (Orang)	
2011	43	42	1	97.7
2012	29	26	3	89.7
2013	17	17	TB	100
Jumlah	89	85	4	95.5

Sumber: IPS

Nota: TB- Tidak Berkenaan

3.4.1.4. Selain itu, pihak Audit mendapati Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengiktiraf Sijil Pertanian sebagai salah satu kelayakan lantikan ke jawatan Pembantu Pertanian gred G17. Pemeriksaan Audit terhadap perjawatan Pembantu Pertanian gred G17 di Jabatan Pertanian Sabah mendapati sebanyak 121 atau 26.6% daripada 455 perjawatan yang diluluskan untuk jawatan Pembantu Pertanian gred G17 telah diisi oleh graduan IPS. Manakala sebanyak 92 perjawatan telah diisi di kalangan kakitangan Jabatan Pertanian Sabah melalui kenaikan pangkat dan 140 perjawatan adalah lantikan baharu. Sehingga tahun 2013, sebanyak 102 kekosongan perjawatan Pembantu Pertanian gred G17 belum diisi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Bilangan Perjawatan Diluluskan Dengan Bilangan Perjawatan Diisi Bagi Jawatan Pembantu Pertanian Gred G17

Jawatan Dan Gred	Lulus	Bilangan Perjawatan Yang Diluluskan Dan Diisi (Orang)				Peratus Pengisian Perjawatan Pembantu Pertanian Oleh Graduan IPS (%)
		Isi			Kosong	
Pengisian Oleh Kakitangan Jabatan Pertanian Sabah Yang Dinaikkan Pangkat	Pengisian Oleh Graduan IPS	Pengisian Daripada Lantikan Baharu				
Pembantu Pertanian G17	455	92	121	140	102	26.6


Sumber: Jabatan Pertanian

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian program Sijil Pertanian anjuran IPS adalah baik kerana 95.5% daripada responden yang memberi maklum balas terhadap survey yang dijalankan telah mendapat pekerjaan.

3.4.2. Penyenggaraan Kemudahan yang Disediakan

3.4.2.1. Penyenggaraan Kemudahan Latihan


- a. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 menyatakan Kementerian atau Jabatan perlu merancang dan menyediakan program penyenggaraan aset Kerajaan bagi memastikan aset sentiasa berkeadaan baik serta selamat digunakan. Adalah didapati, Jabatan Pertanian atau Institut Pertanian Sabah tidak menyediakan program penyenggaraan bagi kemudahan latihan seperti kandang bebiri dan kambing, reban ayam pedaging, ayam penelur dan itik penelur dan kolam ikan. Namun, lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Julai 2013 terhadap kemudahan latihan di IPS mendapati reban ayam pedaging, ayam penelur dan itik penelur, kolam ikan dan kandang bebiri kecuali kandang kambing berada dalam keadaan baik. Keadaan fizikal kandang kambing adalah usang di mana kayu lantai kandang telah reput dan tercabut seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Bagaimanapun, selepas lawatan Audit, kayu lantai kandang yang reput dan tercabut telah dibaiki seperti di **Gambar 3.3**.



**Gambar 3.1
Kandang Kambing Yang Usang**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kandang Kambing, IPS
Tarikh: 23 Julai 2013

Gambar 3.2
Kayu Lantai Kandang Yang Reput Dan Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kandang Kambing, IPS
Tarikh: 23 Julai 2013

Gambar 3.3
Kayu Lantai Kandang Yang Reput Dan Tercabut Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kandang Kambing, IPS
Tarikh: 4 Disember 2013

- b. **Maklum balas Jabatan Pertanian Sabah pada 11 Disember 2013 menjelaskan, peruntukan kewangan yang terhad telah menyebabkan pihak pengurusan IPS hanya dapat menggantikan lantai kandang kambing yang reput serta tercabut. Manakala, peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk membina sebuah kandang kambing yang baharu kerana memerlukan kos sejumlah RM90,000. Selain itu, pihak pengurusan akan melaksanakan jadual penyenggaraan dan menyediakan keperluan bajet untuk tujuan penyenggaraan kemudahan latihan.**

Pada pendapat Audit, tindakan penyenggaraan oleh pihak IPS terhadap kemudahan latihan amali adalah memuaskan. Bagaimanapun, penyenggaraan secara berkala terhadap kemudahan latihan amali perlu dilaksanakan bagi memastikan program Sijil Pertanian berjalan lancar.

3.4.3. Penyenggaraan Kemudahan Penginapan Pelajar

3.4.3.1. Kemudahan penginapan pelajar seperti bangunan dan bilik asrama perlu disediakan sepanjang tempoh pelajar mengikuti latihan di IPS. Bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pelajar, bangunan dan bilik asrama hendaklah berkeadaan baik, selamat dan selesa dihuni. Selain itu, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 menyatakan penyenggaraan aset Kerajaan perlu dilaksanakan mengikut kaedah penyenggaraan pencegahan atau penyenggaraan pemulihan bagi memastikan aset Kerajaan berfungsi dengan baik, selamat digunakan dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Lawatan Audit pada bulan Julai 2013 mendapati:

- a. Singki bilik air asrama telah rosak, jubin lantai bilik asrama pecah, meja, almari pakaian dan katil pelajar rosak. Butiran lanjut adalah seperti di **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.9**.

Gambar 3.4
Singki Dalam Bilik Air Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok A, Asrama Wanita, IPS
Tarikh: 16 Julai 2013

Gambar 3.6
Jubin Lantai Bilik Asrama Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok E, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 3.8
Almari Baju Pelajar Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok E, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 3.5
Meja Pelajar Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok A, Asrama Wanita, IPS
Tarikh: 16 Julai 2013

Gambar 3.7
Jubin Lantai Bilik Asrama Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok E, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 3.9
Katil Pelajar Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok A, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

- b. Blok B, Asrama Wanita yang dibina pada tahun 2003 seperti di **Gambar 3.10** tidak digunakan kerana masalah bekalan air dan sistem pembetungan. Semasa sesi temu bual, pihak Audit telah dimaklumkan oleh pegawai bertanggungjawab bahawa bangunan asrama berkenaan telah digunakan bagi menempatkan seramai 40 orang pelajar lelaki sehingga bulan April 2013 kerana blok asrama lelaki sedia ada telah penuh. Bagaimanapun, pelajar lelaki berkenaan dipindahkan semula ke blok asrama sedia ada kerana masalah bekalan air dan sistem pembetungan. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan pelajar kerana berkongsi seramai 6 orang dalam sebuah bilik asrama serta meningkatkan kos penyenggaraan asrama sekiranya masalah bekalan air dan sistem pembetungan tidak dibaiki.



**Gambar 3.10
Bangunan Blok B, Asrama Wanita
Yang Tidak Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok B, Asrama Wanita, IPS
Tarikh: 16 Julai 2013

- c. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian Sabah pada 11 Disember 2013 menyatakan;**

- i. **Tindakan bagi mengatasi masalah bekalan air telah dilaksanakan dan bangunan berkenaan boleh digunakan mulai bulan Januari 2014. Manakala, sistem pembetungan belum dapat dibaiki kerana peruntukan penyenggaraan asrama sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kos penyenggaraan sistem pembetungan yang tinggi.**
- ii. **Pembaikan kerosakan penginapan dibuat secara *ad hoc* dan mengikut keutamaan kerana peruntukan terhad. Selain itu, pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah telah membuat perolehan untuk menggantikan katil, tilam dan meja yang telah usang serta rosak.**

Pada pendapat Audit, penyediaan dan penyenggaraan terhadap kemudahan penginapan adalah memuaskan. Tindakan yang segera diambil selepas teguran Audit bagi mengganti kelengkapan dalam bilik asrama seperti meja, kerusi, almari dan katil yang rosak bagi menjamin keselesaan pelajar IPS adalah satu tindakan yang baik. Selain itu, Kerajaan Negeri wajar memberikan peruntukan bagi membaiki sistem pembetungan di bangunan Blok B, Asrama Wanita agar dapat digunakan.

3.4.4. Pengurusan Aset Dan Inventori

3.4.4.1. Pondok Keselamatan Tidak Digunakan

- a. Lawatan Audit pada bulan Julai 2013 mendapati sebuah pondok keselamatan dengan kos pembinaan RM19,760 tidak digunakan sejak siap dibina pada 17 Oktober 2011 seperti di **Gambar 3.11**. Temu bual Audit dengan pegawai bertanggungjawab mendapati, pondok keselamatan berkenaan tidak digunakan kerana bekalan tenaga elektrik belum disediakan.



**Gambar 3.11
Pondok Keselamatan Yang Tidak
Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IPS, Timbang Menggaris
Tarikh: 5 September 2013

- b. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian Sabah pada 11 Disember 2013 menyatakan, pihak IPS telah membuat tindakan susulan kepada pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd., untuk pemasangan meter elektrik di pondok keselamatan berkenaan.**

3.4.4.2. Tindakan Pelupusan Tidak Diambil Terhadap Barang-barang Rosak

- a. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.9 Tahun 2010 menetapkan tindakan pelupusan hendaklah diambil terhadap aset yang telah rosak dan tidak ekonomik dibaiki dengan melantik 2 orang pegawai sebagai Lembaga Pemeriksa, menyedia laporan KEW.PA-17, menjalankan tindakan pelupusan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kelulusan pelupusan serta mengemukakan Sijil Perakuan Pelupusan kepada Kuasa Melulus.
- b. Lawatan Audit ke Blok B, Asrama Lelaki pada bulan Julai 2013 mendapati tilam, katil dan almari yang rosak adalah disimpan di asrama berkenaan seperti di **Gambar 3.12** hingga **Gambar 3.14**.

Gambar 3.12
Tilam Usang Belum Diambil
Tindakan Pelupusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok B, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 3.13
Katil Asrama Yang Rosak Belum
Diambil Tindakan Pelupusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok B, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013



Gambar 3.14
Almari Yang Rosak Belum Diambil
Tindakan Pelupusan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok B, Asrama Lelaki, IPS
Tarikh: 19 Julai 2013

- c. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Jabatan Pertanian Sabah pada 13 Disember 2013 menjelaskan, surat permohonan untuk melantik Lembaga Pemeriksa telah diajukan kepada pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 8 April 2013 namun maklum balas belum diterima.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori IPS adalah kurang memuaskan kerana pondok keselamatan tidak digunakan sejak siap dibina pada tahun 2011 dan barang-barang yang rosak belum diambil tindakan pelupusan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan pengurusan Institut Pertanian Sabah, pihak Audit mengesyorkan Institut Pertanian Sabah khasnya dan Jabatan Pertanian Sabah amnya mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.5.1. Kajian keberkesanan program Sijil Pertanian perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan Jabatan Pertanian Sabah bagi mengesan kemajuan kerjaya graduan IPS. Selain itu, bagi memudahkan pengesanan graduan IPS, pihak IPS dan Jabatan Pertanian Sabah disarankan untuk menubuhkan alumni di kalangan mantan pelajar IPS.

3.5.2. Pihak Kerajaan Negeri perlu menyediakan bajet yang secukupnya bagi perolehan kelengkapan asrama agar penggantian kelengkapan asrama yang rosak boleh dibuat serta sistem pembentungan di blok asrama IPS boleh dibaiki.

3.5.3. Pihak pengurusan IPS perlu menyediakan jadual penyenggaraan terhadap kemudahan latihan serta penginapan dan memastikan ia dilaksanakan mengikut rancangan.

3.5.4. Pihak pengurusan IPS perlu mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 dalam mengurus aset serta inventori milik IPS dari segi penyenggaraan, penggunaan dan pelupusan barang-barang rosak.

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU MAJLIS DAERAH PENAMPANG

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pengurusan perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Enakmen Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 1996, Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Undang-undang Kecil PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari semasa ke semasa. Perolehan boleh dilaksanakan mengikut kaedah perolehan terus, sebut harga, tender atau lantikan terus. Perolehan yang dibuat hendaklah berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran perlu dibuat bagi memperolehi *value for money*.

4.1.2. Pada tahun 2011 hingga Jun 2013, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Daerah Penampang (MDP) telah melaksanakan sebanyak 7,890 dan 1,729 perolehan bernilai RM204.59 juta dan RM11.63 juta masing-masing. Perolehan tersebut merangkumi perolehan kerja/perkhidmatan dan bekalan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri seperti di **Jadual 4.1**. Manakala bilangan perolehan mengikut jenis perolehan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2** hingga **Jadual 4.4**.

Jadual 4.1
Perolehan DBKK Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	Tahun	Bilangan Perolehan Penggunaan Peruntukan				Nilai (RM Juta)
		Persekutuan	Negeri	PBT	Jumlah	
DBKK						
1.	2011	91	38	2,428	2,557	74.23
2.	2012	45	39	2,393	2,477	73.76
3.	2013	103	41	2,712	2,856	56.60
Jumlah DBKK		239	118	7,533	7,890	204.59
MDP						
1.	2011	18	2	553	573	4.11
2.	2012	15	2	587	604	4.89
3.	2013	9	3	540	552	2.63
Jumlah MDP		42	7	1,680	1,729	11.63
Jumlah Keseluruhan		281	125	9,213	9,619	216.22

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Majlis Daerah Penampang

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan PBT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan yang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2013. oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Majlis Daerah Penampang. Pemeriksaan fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dijalankan untuk setiap projek/perolehan yang dipilih. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai audit terlibat telah diadakan. Lawatan Audit ke tapak bina juga dibuat bagi menentukan kerja-kerja, perkhidmatan dan bekalan telah dilaksanakan/diterima mengikut spesifikasi atau senarai kuantiti yang telah ditetapkan. Pihak Audit telah memilih 19 sampel perolehan di DBKK yang terdiri daripada 8 lantikan terus bernilai RM11.31 juta, sebanyak 6 sebut harga bernilai RM6.78 juta, sebanyak 5 tender bernilai RM17.68 juta dan 60 perolehan terus bernilai RM0.57 juta. Bagi MDP pula 17 sampel perolehan telah dipilih yang terdiri daripada 5 lantikan terus bernilai RM5.52 juta, sebanyak 12 sebut harga bernilai RM1.87 juta dan 50 sampel perolehan terus bernilai RM0.08 juta telah dipilih. Pemilihan dibuat dengan mengambil kira kos perolehan dan bilangan projek/bekalan yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013 mengikut Jabatan/Bahagian.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan perolehan DBKK dan MDP telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013. Pada keseluruhannya, pelaksanaan kerja dan perkhidmatan DBKK dan MDP dari segi kualiti kerja, pematuhan spesifikasi dan tempoh pelaksanaan adalah baik dan tindakan susulan telah diambil selepas teguran Audit. Manakala dari segi pengurusan perolehan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perolehan tidak mematuhi tatacara perolehan sepenuhnya.
- Pembayaran terhadap kerja yang tidak di laksana, serta berlaku kelewatan pembayaran kepada kontraktor.
- Peruntukan perolehan tahunan tidak mencukupi.
- Penyimpanan tong sampah tidak teratur.

4.4.1. Peruntukan Perolehan Tahunan Tidak Mencukupi

4.4.1.1. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan secara teratur, PBT perlu menyediakan rancangan untuk perolehan dalam bajet tahunannya. Perancangan perolehan tahunan perlu dibuat secara teliti dengan mengambil kira keperluan dan

keutamaan berdasarkan aktiviti dan fungsi setiap Jabatan/Bahagian/Unit PBT. Peruntukan yang mencukupi perlu disediakan berdasarkan rancangan perolehan tahunan tersebut bagi memastikan aktiviti dan fungsi PBT dapat dilaksanakan dengan baik serta mencapai objektif.

4.4.1.2. Semakan Audit mendapati, DBKK telah menyediakan keperluan perolehan bekalan dan perkhidmatan dalam bajet tahunannya. Manakala untuk projek pembangunan, DBKK telah mengenal pasti dan menyediakan anggaran kos projek berkenaan. Bagaimanapun, terdapat kes di mana peruntukan perolehan tahunan yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung keperluan sebenar. Peruntukan yang disediakan bagi tahun 2011 hingga November 2013 bagi pembelian alat ganti kenderaan DBKK berjumlah RM3.0 juta hingga RM5.0 juta tidak dapat menampung kos keperluan sebenar alat ganti antara RM3.83 juta hingga RM9.05 juta. Oleh yang demikian, sebahagian perolehan yang dibuat pada tahun semasa ditangguhkan pembayarannya hingga tahun berikutnya. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2

Peruntukan Dan Perbelanjaan Sebenar Di Bawah Pecahan Kepala Pembelian Alat Ganti Kenderaan DBKK bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Catatan
2011	3.0	3.83	(0.83)	
2012	3.0	6.93	(3.93)	
2013	5.0	9.05	(4.05)	
Jumlah	11.0	19.81	(8.81)	Perbelanjaan melebihi peruntukan yang diluluskan.

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.4.1.3. Semakan Audit mendapati, bajet tahunan yang disediakan bagi perolehan tersebut tidak mengambil kira keperluan sebenar berdasarkan bilangan kenderaan DBKK iaitu sebanyak 271 buah dan kos pembelian alat ganti tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, DBKK tidak mengambil kira faktor usia dan keadaan fizikal kenderaan yang memerlukan kos penyenggaraan yang lebih. Mengikut maklum balas DBKK, pengagihan peruntukan tahunan perlu mengambil kira kedudukan kewangan DBKK pada keseluruhannya.

4.4.1.4. Dalam keadaan sedemikian, pihak Audit mendapati tuntutan pembekal tidak dapat dibayar sepenuhnya. Contohnya, sehingga bulan November 2013, perolehan bernilai RM4.57 juta bagi pembekalan alat ganti kenderaan Nissan dan Isuzu dan RM0.28 juta bagi pembekalan tayar belum dibayar. Perkara seperti ini bukan sahaja tidak mematuhi peraturan kewangan dan syarat kontrak, tetapi juga boleh menjelaskan imej DBKK dan Kerajaan.

4.4.1.5. Berdasarkan maklum balas DBKK bertarikh 16 Disember 2013, masalah belanjawan tidak mencukupi tidak akan dapat di atasi kerana punca masalah kenderaan rosak adalah lebih tinggi daripada pengendalian kenderaan selain wear and tear. Ditambah lagi, kenderaan yang terlibat adalah kenderaan operasi (lori

sampah) dan digunakan hampir sepenuh masa. Selain itu, pemberian kenderaan juga tidak dapat dijangka akibat kerosakan berpunca daripada pengendalian kenderaan operasi.

Pada pendapat Audit, penyediaan peruntukan tahunan bagi kontrak pembekalan alat ganti dan tayar kenderaan DBKK adalah kurang memuaskan kerana tidak mencukupi untuk menampung pembayaran kepada kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan.

4.4.2. Pematuhan Tatacara Perolehan

4.4.2.1. Perolehan PBT dibiayai melalui 3 sumber iaitu daripada dana PBT sendiri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perolehan perlu dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan. Bagi memastikan perolehan dibuat secara teratur dan telus supaya PBT memperolehi harga dan kualiti kerja serta bekalan yang terbaik. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.1/2008 melarang Kementerian/ Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelak sebut harga. Had nilai perolehan yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3

Had Nilai Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga Dan Tender Mengikut Sumber Pembiayaan

Bil.	Kaedah Perolehan	Sumber Pembiayaan		
		Dana PBT (RM)	Persekutuan (RM)	Negeri (RM)
DBKK				
1.	Pembelian Terus	Sehingga 20,000	Sehingga 50,000	Sehingga 20,000
2.	Sebut Harga	20,001 - 250,000	50,001 - 500,000	20,001 - 250,000
3.	Tender	Melebihi 250,000	Melebihi 500,000	Melebihi 250,000
MDP				
1.	Pembelian Terus	Sehingga 2,000	Sehingga 50,000	Sehingga 20,000
2.	Sebut Harga	Sehingga RM25,000 (Dengan kelulusan Jawatankuasa Kewangan Majlis)	50,001 - 500,000	20,001 - 250,000
3.	Tender	Melebihi 2,000	Melebihi 500,000	Melebihi 250,000

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Majlis Daerah penampang

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap pematuhan tatacara perolehan oleh DBKK dan MDP pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan seperti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

a. Pembelian Minyak Pelincir, Gris Dan Hidraulik

- i. DBKK dan MDP memerlukan minyak pelincir, gris dan hidraulik untuk kegunaan unit bengkel bagi menyenggara kenderaan-kenderaannya termasuk lori-lori sampah. Semakan Audit mendapati, pihak DBKK dan MDP telah membuat pembelian melebihi had pembelian terus daripada pembekal yang sama tanpa memanggil sebut harga. Butiran lanjut mengenai pembelian berkenaan adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Pembelian Minyak Pelincir, Gris Dan Hidraulik Yang Dipecah Kecil

Tahun	Minyak	Bilangan LPO	Kuantiti (Drum)	Harga (RM/Drum)	Jumlah (RM)
DBKK					
2012	Urania Supremo CI-4 15W/40	2	15	1,755	26,334
Jumlah Keseluruhan 2012					26,334
2013	Urania Supremo CI-4 15W/40	1	10	1,720	17,200
		3	15	1,755	26,334
	Hidraulik EP 68	3	18	1,500	27,000
Jumlah Keseluruhan 2013					70,534
MDP					
2011	Hidraulik EP 68	20	21	1,350	28,350
2012		18	19	1,350	25,650
2013		12	18	1,350	24,300

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Majlis Daerah Penampang

- ii. Berdasarkan maklum balas DBKK bertarikh 16 Disember 2013, tindakan telah diambil di mana pembelian minyak pelincir, gris dan hidraulik bagi tahun 2014 dibuat melalui proses tender yang telah dipelawa secara terbuka pada 11 November 2013.

b. Pembelian Toner Dan Ink Cartridge

- i. DBKK dan MDP membuat pembelian toner dan ink cartridge setiap tahun dengan menggunakan dana sendiri untuk keperluan printer di semua Jabatan/Bahagian/Unit. Semakan Audit mendapati pembelian yang dibuat telah melebihi had pembelian terus. Butiran lanjut pembelian berkenaan adalah seperti Jadual 4.5.

Jadual 4.5
Pembelian Toner Dan Ink Cartridge Pada Tahun 2011 Hingga Jun 2013

Tahun	Bilangan Pembekal	Bilangan LPO Dikeluarkan	Jumlah (RM)
DBKK			
2011	5	44	203,934
2012	5	45	214,454
2013	3	24	123,164
MDP			
2011	3	32	17,844
2012	2	32	16,045
2013	2	22	11,109

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Daerah Penampang

- ii. Berdasarkan maklum balas DBKK bertarikh 16 Disember 2013, pembelian toner dan ink cartridge bagi tahun 2014 akan dibuat melalui proses sebut harga atau tender.

c. Pembelian Tayar Kenderaan

- i. DBKK dan MDP membuat perolehan tayar untuk kenderaan-kenderaanya termasuk lori-lori sampah. Semakan Audit mendapati DBKK telah membuat perolehan pembelian tayar secara kontrak. Manakala perolehan tayar oleh MDP dibuat secara pembelian terus dengan menggunakan *Local Purchase Order* (LPO). Semakan Audit selanjutnya terhadap LPO yang dikeluarkan pada tahun 2011, 2012 dan sehingga November 2013 mendapati, MDP telah membuat pembelian dan pemasangan tayar untuk kenderaan-kenderaan MDP dibuat daripada pembekal yang sama berjumlah RM165,651, RM181,812 dan RM180,942 masing-masing. Butiran lanjut pembelian berkenaan adalah seperti **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6.
Pembelian Tayar Kenderaan MDP Daripada Satu
Pembekal Bagi Tahun 2011 Hingga November 2013

Tahun	Jumlah LPO Dikeluarkan	Jumlah (RM)
2011	94	165,651
2012	100	181,812
2013	84	180,942

Sumber: Majlis Daerah Penampang

- ii. Jadual 4.4 hingga Jadual 4.6 menunjukkan jumlah keseluruhan pembelian terus yang dibuat bagi tahun 2011 hingga 2013 telah melebihi had pembelian terus yang ditetapkan.
- iii. Perkara ini berlaku disebabkan pihak DBKK dan MDP tidak merancang keperluan tahunan barang-barang tersebut secara menyeluruh. Sebut harga dan tender, memberi peluang kepada DBKK dan MDP mendapatkan harga yang terbaik melalui persaingan harga.
- iv. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 16 Januari 2014, MDP sedang membuat perancangan pembelian bekalan *ink*, toner dan tayar bagi tahun 2014 melalui sebut harga atau tender.

Pada pendapat Audit, pematuhan DBKK dan MDP terhadap tatacara perolehan adalah kurang memuaskan. DBKK dan MDP perlu merancang perolehan secara menyeluruh bagi tempoh satu tahun dan mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan.

4.4.3. Pembayaran

4.4.3.1. Pembayaran Terhadap Kerja Yang Tidak Dilaksana

- a. MDP telah menerima peruntukan sejumlah RM770,000 daripada Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar untuk membangunkan Terminal Sejahtera ICT. Peruntukan tersebut adalah bagi menampung kos pembekalan dan pemasangan peralatan ICT, peralatan ICT selama 2 tahun, pembekalan perisian pembelajaran, pengubahsuaian pejabat termasuk pembekalan perabot, *air conditioning and electrical works* serta gaji kakitangan selama 2 tahun seperti penyelia, fasilitator, PRA dan jaga. Bagi pembekalan dan pemasangan peralatan ICT, penyenggaraan peralatan ICT selama 2 tahun dan pembekalan perisian pembelajaran, MDP telah melantik vendor U2 Media yang telah dipilih melalui proses sebut harga dengan kos RM435,070.
- b. Mengikut senarai kuantiti, kontraktor perlu melaksanakan penyenggaraan peralatan ICT secara berkala bagi setiap 6 bulan dengan kos RM24,500 bagi tempoh 2 tahun. Semakan Audit terhadap laporan penyenggaraan mendapati, penyenggaraan hanya dilaksanakan sekali sahaja iaitu pada bulan Mac 2013 tetapi MDP telah membayar sepenuhnya bagi kerja penyenggaraan peralatan ICT pada 14 Mac 2013
- c. **Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 21 Januari 2014, penyenggaraan kali kedua telah dibuat pada Januari 2014.**

4.4.3.2. Kelewatan Pembayaran Kepada Kontraktor/Pembekal

- a. Mengikut Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan syarat kontrak, bayaran kepada kontraktor hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tuntutan diterima. Bagaimanapun semakan Audit mendapati, tuntutan bagi 3 kontrak perkhidmatan dan 3 pembekalan belum dibuat bayaran. Sampel tuntutan yang belum dibayar setakat Oktober 2013 seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7

Sampel Tuntutan Kontraktor Yang Belum Dibayar Setakat September 2013

Perolehan	Bilangan Kontraktor	Tarikh Tuntutan	No invos	Jumlah (RM)
Pembelian Minyak Pelincir, Gris	1	28.05.2013	PHC/2550	8,778
		25.07.2013	PHC/2652-5	5,700
		25.07.2013	PHC/2652-4	8,778
		25.07.2013	PHC/2652-3	8,778
		25.07.2013	PHC/2652-2	9,000
Penyenggaraan Lanskap	3	30.03.2013	00006453	45,792
		31.01.2013	00006293	47,663
		29.03.2013	00000421	45,792
		28.02.2013	00000419	61,534
		05.03.2013	RL/INV/02/13(19)	33,684
		08.02.2013	RL/INV/02/13(18)	33,684

Perolehan	Bilangan Kontraktor	Tarikh Tuntutan	No Invois	Jumlah (RM)
Pembelian Alat Ganti	1	23.07.2013	4132	9,692
		23.07.2013	4141	12,740
		13.07.2013	4140	11,292
		07.08.2013	4149	17,951
		14.08.2013	4167	17,050

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran dan dokumen sokongan untuk kontrak perkhidmatan dan pembekalan mendapat banyak kes pembayaran dibuat melebihi 30 hari. Antara contoh bayaran yang melebihi 30 hari seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Sampel Bayaran Yang Dibuat Melebihi 30 hari

Perolehan	Bilangan Kontraktor	Tarikh Tuntutan Diterima	No. Invois	Tarikh Bayaran	No. Baucar	Jumlah (RM)
Pembelian Alat Ganti	1	19.07.2012	3699	05.09.2012	3300033390	16,155
		19.07.2012	3708	03.10.2012	3300033781	23,076
		01.08.2012	3724	08.01.2013	3300034943	33,849
		01.08.2012	3723	08.01.2013	3300034943	24,725
		01.08.2012	3721	08.01.2013	3300034943	16,789
Penyenggaraan Lanskap	3	07.02.2013	00006273	05.06.2013	3300036594	47,963
		17.12.2012	00006124	09.04.2013	3300035964	47,663
		07.02.2013	00000408	05.06.2013	3300036595	47,963
		29.01.2013	RL/INV/1 1/12(16)	19.06.2013	3300036809	33,684
		07.02.2013	RL/INV/1 2/12(17)	25.07.2013	3300037297	33,684
Pembekalan Tayar	1	20.04.2012	203953	30.07.2013	3300032998	6,363

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- c. Semakan Audit terhadap baucar bayaran dan dokumen sokongan untuk kontrak pembekalan alat ganti dan tayar juga mendapat banyak kes pembayaran terhadap alat ganti dan tayar yang dibekal dan digunakan hanya dibayar pada tahun berikutnya. DBKK mengeluarkan *Purchase Requisition* (PR) untuk pembelian alat ganti dan tayar tersebut digunakan atau dipasang terus pada kenderaan berkenaan. Bagaimanapun, Pesanan Pembelian [Purchase Order (PO)] hanya dikeluarkan apabila DBKK mempunyai peruntukan kewangan yang cukup untuk membuat bayaran di mana pembekalan mengemukakan invois dan *Delivery Order* (DO) bagi tujuan pembayaran. Manakala bagi pembekalan tayar, DO dikeluarkan semasa pembekalan dibuat. Namun, untuk tujuan pembayaran pembekalan mengemukakan DO baru yang merangkumi beberapa pembekalan. Sampel kes pembayaran tertangguh ini adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9**Sampel Maklumat Pembayaran Tertangguh Bagi Alat Ganti Dan Tayar**

Barang	Bil.	Tarikh Pembekalan	Tarikh PO	No. Rujukan PO	Tarikh Pembayaran	Jumlah (RM)
Alat ganti	1.	28.02.2011	15.06.2012	4500014824	15.08.2012	3,068
	2.	26.01.2011	15.06.2012	4500014823	15.08.2012	5,550
	3.	24.03.2011	10.05.2012	4500014591	27.06.2012	7,807
	4.	4.05.2011	14.06.2012	4500014809	05.09.2012	9,232
	5.	20.05.2011	15.06.2012	4500014835	03.10.2012	3,401
Tayar	1.	20.04.2011	12.04.2012	4500014416	30.07.2012	1,818
	2.	31.03.2011	12.04.2012	4500014416	30.07.2012	1,818
	3.	18.04.2011	12.04.2012	4500014416	30.07.2012	909
	4.	23.03.2011	12.04.2012	4500014416	30.07.2012	2,256
	5.	21.03.2011	12.04.2012	4500014416	30.07.2012	909

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- d. Mengikut DBKK, kelewatan pembayaran ini disebabkan oleh masalah aliran tunai semasa. Perkara ini menyalahi peraturan kewangan yang menetapkan supaya setiap tuntutan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dan dibayar dalam tahun bekalan perkhidmatan diperolehi. Kelewatan pembayaran boleh menjaskan prestasi kontraktor.
- e. **Berdasarkan maklum balas DBKK bertarikh 23 Januari 2014, kelewatan pembayaran kepada kontraktor adalah disebabkan faktor aliran tunai. Selain itu, Jabatan Kewangan & Bendahari DBKK telah mengeluarkan teguran kepada Jabatan Kejuruteraan DBKK mengenai kaedah pemprosesan perolehan yang tidak mematuhi peraturan. Bermula Disember 2012, pembekal hanya akan menghantar bekalan setelah menerima PO. Jabatan Kewangan & Belanjawan DBKK juga telah menyediakan garis panduan untuk memudahkan pembelian secara darurat khususnya bagi alat ganti kenderaan yang tidak dapat ditangguhkan melalui proses PO biasa.**

Pada pendapat Audit, prestasi pembayaran adalah kurang memuaskan kerana kelewatan pembayaran kepada kontraktor/pembekal.

4.4.4. Penggunaan Tidak Mencapai Sasaran

- 4.4.4.1. Projek Pembangunan Terminal Sejahtera dengan kos RM435,000 telah siap pada bulan Disember 2012. Projek ini dibina atas pembiayaan Kerajaan Persekutuan bertujuan menyediakan kemudahan pembelajaran kendiri di luar waktu sekolah iaitu kemudahan tuisyen *on-line* dan bilik tutorial yang kondusif bagi pelajar daripada golongan pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan meliputi pelajar sekolah rendah dan menengah. Setiap pelajar yang mendaftar akan diberikan kata laluan (ID) untuk akses portal tuisyen *on-line*. Selain di Terminal Sejahtera, pelajar boleh mengakses portal tersebut di mana-mana lokasi yang mempunyai talian internet. Pengaktifan ID hanya boleh dilakukan oleh kontraktor sahaja.

4.4.4.2. Semakan Audit terhadap senarai daftar pelajar mendapati, 1,344 ID daripada 1,600 ID atau 84% yang disediakan adalah tidak aktif. Sehingga Disember 2013 Majlis telah membuat bayaran kepada kontraktor sejumlah RM315,070 bagi 800 ID dan pembayaran selebihnya akan dibuat pada bulan Januari 2014 seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Penggunaan yang rendah daripada sasaran ini disebabkan kurang mendapat sambutan pelajar dan Majlis hanya menjalankan sekali kempen dan hebahan ke sekolah-sekolah di sekitar Bandar Penampang.

4.4.4.3. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 21 Januari 2014, penggunaan yang kurang daripada sasaran adalah disebabkan antaranya masalah pengangkutan bagi pelajar yang tinggal jauh, aktiviti dan kokurikulum sekolah yang padat dan keadaan makmal komputer yang panas disebabkan tiada pemasangan langsir. Selain itu, hebahan telah dibuat pada bulan Januari 2014 dan sedang menunggu kemasukan pelajar.

4.4.5. Penyimpanan

4.4.5.1. Bekalan yang diterima hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab. Bekalan yang menarik dan bernilai tinggi disimpan di tempat yang berasingan dan mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat. Selain itu, penerimaan dan pengeluaran barang-barang berkenaan hendaklah dikawal dan direkodkan secara teratur mengikut tatacara pengurusan stor. Semakan Audit terhadap kawalan penerimaan, penggunaan dan penyimpanan bekalan DBKK dan MDP adalah baik kecuali perolehan tong sampah oleh DBKK.

4.4.5.2. DBKK telah mempelawa tender untuk pembekalan tong sampah pada bulan Mac 2012 dan tawaran telah diberikan kepada penender yang berjaya iaitu Megawan Enterprise pada bulan Oktober 2012. Tempoh pembekalan adalah dari bulan November 2012 hingga November 2013. Bekalan telah disempurnakan oleh pembekal pada Mei 2013 seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10

Maklumat Tong Sampah Yang Dibekalkan Oleh Pembekal Bagi Tempoh November 2012 Hingga November 2013

Bil.	Jenis Tong Sampah	Tarikh Dibekalkan	Kuantiti (Unit)	Kos Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Otto MGB 120L (Green) inclusive of sticker	29.11.2012	190	215	40,850
3.	STIHL SH-86D Blower and Vacuum	8.02.2013	25	1,650	41,250
2.	Otto MGB 1100L (Green) inclusive of embossing	14.02.2013	110	1,600	176,000
4.	Otto MGB 120L (Green) inclusive of sticker	12.03.2013	100	215	21,500
5.	Otto MGB 660L Flat Top (Green) inclusive of sticker	25.03.2013	100	1200	120,000
6.	STIHL SH-86D Blower and Vacuum	11.04.2013	25	1,650	41,250

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.4.5.3. Tong-tong sampah yang dibekalkan sebanyak 500 unit berharga RM 440,850 disimpan di depoh DBKK yang terletak di Inanam di bawah Jabatan Kebersihan dan Kesihatan Persekitaran sebelum digunakan. Semakan Audit terhadap rekod penerimaan dan pengagihan tong-tong sampah berkenaan mendapati tong-tong sampah jenis Otto MGB 1100L (Green) *inclusive of embossing*, Otto MGB 660L Flat Top (Green) *inclusive of sticker* dan STIHL SH-86D Blower and Vacuum telah direkodkan dengan baik. Bagaimanapun, bagi tong-tong sampah jenis Otto MGB 120L (Green) *inclusive of sticker*, penerimaan dan penggunaan tong-tong sampah berkenaan bagi tempoh bulan Ogos 2012 hingga tarikh pengauditan tidak direkodkan dalam daftar yang disediakan. Ini termasuklah pembelian tong-tong sampah sebanyak 290 yang dibekalkan pada 29 November 2012 dan 12 Mac 2013 seperti di **Jadual 4.10** di atas. Catatan ringkas oleh kakitangan yang mengawal penerimaan dan penggunaan tong-tong sampah tersebut menunjukkan baki tong-tong sampah tersebut adalah sebanyak 252 buah berbanding baki sebenar yang ada selepas pengiraan Audit dibuat sebanyak 341 buah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki sebenar tong-tong sampah yang telah diterima, diagihkan dan baki yang masih dalam simpanan kerana rekod tidak dikemas kini.

4.4.5.4. Pemeriksaan Audit juga mendapati, tong-tong sampah diletakkan di luar depoh DBKK di Inanam. Ini termasuklah tong-tong sampah yang rosak sementara menunggu tindakan pelupusan diambil seperti **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Tong Sampah Baru Dan Rosak
Di Luar Depoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh DBKK, Inanam
Tarikh: 21 Ogos 2013

Gambar 4.2
Tong Sampah Baru Dan Rosak
Di Luar Depoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh DBKK, Inanam
Tarikh: 21 Ogos 2013

4.4.5.5. Perkara ini berlaku kerana tiada pemantauan bagi memastikan rekod-rekod penyimpanan dikemas kini dan pihak DBKK tidak mempunyai ruang stor yang mencukupi untuk menyimpan tong-tong sampah yang belum digunakan. Oleh itu, tong-tong sampah yang diletakkan di luar depoh terdedah kepada panas dan hujan. Keadaan ini bukan sahaja boleh menyebabkan tong-tong sampah berkenaan cepat rosak tetapi juga boleh menjadi tempat pembiakan jentik-jentik kerana penutup tong-tong sampah berkenaan belum dipasang.

4.4.5.6. **Berdasarkan maklum balas DBKK bertarikh 23 Januari 2014, pihak DBKK telah melantik syarikat tempatan untuk membekal dan menghantar kontena penyimpanan tong sampah. Jabatan Kebersihan dan Kesihatan Persekutuan, DBKK juga sedang dalam proses mengemas kini rekod penyimpanan tong-tong sampah.**

Pada pendapat Audit, penerimaan, penggunaan dan penyimpanan perolehan tong sampah adalah baik kecuali penerimaan dan penggunaan tong sampah jenis Otto MGB 120L (*Green*) yang tidak direkodkan secara teratur dan stor penyimpanan yang tidak mencukupi.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan perolehan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Daerah Penampang (MDP), pihak Audit mengesyorkan DBKK dan MDP mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menampung pembayaran terhadap kontrak yang ditandatangani.

4.5.2. Melaksanakan perolehan dan pembayaran dibuat mengikut peraturan dan tatacara yang ditetapkan dengan sepenuhnya.

4.5.3. Mengambil inisiatif bagi meningkatkan penyertaan pelajar agar projek Terminal Sejahtera yang telah mula beroperasi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan mengelakkan pembaziran.

4.5.4. Meningkatkan kawalan terhadap penggunaan dan penyimpanan bekalan yang diterima dengan mematuhi tatacara pengurusan stor sepenuhnya. Selain itu, DBKK perlu menyediakan tempat simpanan/stor yang bersesuaian bagi mengelakkan barang-barang yang diterima mudah rosak.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

5. K.K.I.P. SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. K.K.I.P. Sdn. Bhd. (KKIPSB) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada tahun 1994. Saham dibenarkan KKIPSB berjumlah RM500 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM107 juta. KKIPSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah Ketua Menteri Diperbadankan (CMI). KKIPSB mempunyai 3 anak syarikat, satu syarikat usaha sama dan 2 syarikat bersekutu.

5.1.2. Objektif utama KKIPSB adalah membantu pembangunan ekonomi dan penggunaan sumber asli negeri yang optimum, menjana peluang pelaburan kepada pelabur tempatan dan luar negara, menjana peluang pekerjaan dan mencapai pulangan yang mencukupi ke atas pelaburan yang telah dibuat.

5.1.3. Aktiviti utama yang dijalankan oleh KKIPSB adalah berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan serta pelaksanaan projek Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) mengikut komponen pembangunan pelan induk yang telah diluluskan oleh Jemaah Kabinet pada tahun 1993 meliputi kawasan seluas 8,320 ekar di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.

5.1.4. Ahli Lembaga Pengarah KKIPSB seramai 7 orang terdiri daripada 2 orang ahli politik, 4 wakil kerajaan dan seorang ahli bebas. Pengurusan KKIPSB pula terdiri daripada seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif serta 76 kakitangan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KKIPSB adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan perolehan, pembangunan dan penjualan

tanah di pejabat KKIPSB. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai KKIPSB di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat. Lawatan Audit ke semua zon perindustrian, 2 kawasan perumahan penempatan semula, sebuah kawasan bangunan komersil dan 3 projek perumahan di kawasan Taman Perindustrian Kota Kinabalu juga dibuat.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2013, mendapati pada umumnya prestasi kewangan adalah baik di mana syarikat ini telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2010 dan 2012 serta mempunyai keuntungan terkumpul pada tahun 2012 berjumlah RM29.11 juta. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Projek lewat disiapkan.
- Baki penjualan tanah/bangunan komersil belum dibayar sepenuhnya.
- Apartmen Seri Malawa belum dijual.
- Projek usaha sama tidak memberi pulangan.

5.4.1. Prestasi Kewangan KKIPSB

Bagi menilai prestasi kewangan KKIPSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

5.4.1.1. Analisis Trend


- a. Analisis trend bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat setiap tahun daripada RM37.49 juta pada tahun 2010 kepada RM55.61 juta dan RM59.39 juta pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing. Perbelanjaan pula telah meningkat daripada RM33.43 juta pada tahun 2010 kepada RM67.10 juta pada tahun 2011. Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh pengenaan kos projek tahun sebelum sejumlah RM17.69 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, perbelanjaan telah menurun kepada RM53.02 juta pada tahun 2012.
- b. Pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian KKIPSB bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.1**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian KKIPSB
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	37.49	55.61	59.39
Perbelanjaan	(33.43)	(67.10)	(53.02)
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	4.06	(11.49)	6.37
Cukai Pendapatan	-	-	(0.40)
Keuntungan/Kerugian Bersih	4.06	(11.49)	5.97
Keuntungan Terkumpul	34.63	23.14	29.11


Sumber: Penyata Kewangan KKIPSB

Carta 5.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai
Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan KKIPSB

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan KKIPSB

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KKIPSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan KKIPSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan KKIPSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	1.51:1	3.11:1	3.06:1
Margin Untung Bersih	10.8%	-20.7%	10.7%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.007:1	-0.04:1	0.02:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	0.03:1	-0.09:1	0.05:1

Sumber: Penyata Kewangan KKIPSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa telah meningkat daripada 1.51:1 bagi tahun 2010 kepada 3.11:1 pada tahun 2011. Ini disebabkan oleh pengurangan liabiliti semasa. Nisbah ini hanya menurun sedikit pada tahun 2012 kepada 3.06:1 namun masih berada pada kedudukan kecairan yang baik pada tahun 2012.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dijana daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat yang memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, syarikat telah menjana RM0.11 untung bersih sebelum cukai pada tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2011, syarikat telah mengalami kerugian RM0.21 bagi setiap ringgit pendapatan. Kerugian ini disebabkan oleh pengenaan kos pembangunan tahun sebelumnya sejumlah RM17.69 juta.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2010 dan 2012, Nisbah Pulangan Atas Aset syarikat menunjukkan pulangan keuntungan pada RM0.007 dan RM0.02 masing-masing. Bagaimanapun, bagi tahun 2011, kadar pulangan adalah negatif di mana syarikat mengalami kerugian RM0.04 bagi setiap ringgit aset.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2010 dan 2012 adalah masing-masing pada 0.03:1 dan 0.05:1, di mana bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat menjana RM0.03 dan RM0.05 keuntungan sebelum cukai. Bagaimanapun,

nisbah tersebut adalah negatif iaitu 0.09:1 pada tahun 2011 kerana syarikat telah menanggung kerugian.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KKIPSB adalah baik.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti KKIPSB

Aktiviti KKIPSB adalah pembangunan harta tanah dan penyediaan perkhidmatan yang berkaitan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Semakan Audit terhadap aktiviti KKIPSB mendapati perkara berikut:

5.4.2.1. Prestasi Pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu

- a. KKIPSB telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang meliputi kawasan seluas 8,320 ekar sebagai satu kawasan perindustrian yang bersepadu dan dilengkапkan dengan pelbagai infrastruktur. Pembangunan tersebut tertumpu kepada pelbagai komponen antaranya perindustrian, kediaman, komersil, pusat penyelidikan dan pembangunan serta latihan (R&D), rekreasi dan pelancongan. Untuk membolehkan pembangunan di kawasan ini, tanah yang terlibat perlu diwartakan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur. Sasaran asal pembangunan KKIP adalah untuk siap dibangunkan dalam tempoh 15 tahun dengan kos RM3.5 bilion bermula tahun 1995.
- b. Semakan Audit mendapati 4,005 ekar daripada 8,320 ekar telah diwartakan. Mengikut rekod KKIPSB setakat 30 September 2013, sejumlah 1,606 ekar telah dibangunkan, 694 ekar dalam pembangunan dan baki 1,157 ekar belum dibangunkan dalam kawasan yang telah diwartakan. Untuk komponen utama iaitu perindustrian, kediaman dan komersil, tanah yang siap dibangunkan dan sedang dibangunkan telah mencapai 82%, 10% dan 93% kemajuan masing-masing. Untuk komponen pameran dan expo, pembangunan belum bermula bagi 95 ekar tanah yang diperuntukkan dan untuk komponen R&D, 243 ekar tanah yang diperuntukkan telah dibangunkan sepenuhnya. Status pembangunan KKIP mengikut komponen setakat 30 September 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Status Pembangunan KKIP setakat 30 September 2013

Bil.	Komponen	Pembangunan Dalam Kawasan Diwartakan				
		Siap Dibangunkan (Ekar)	Sedang Dibangunkan (Ekar)	Belum Dibangunkan (Ekar)	Jumlah (Ekar)	Peratusan Siap/Sedang Dibangunkan (%)
1.	Perindustrian	878	539	318	1,735	82
2.	Kediaman	12	57	650	719	10
3.	Komersil	57	71	9	137	93
4.	Pameran Dan Expo	0	0	95	95	0
5.	R&D Dan Latihan	234	0	0	234	100
6.	Sekolah	6	27	27	60	55
	Jumlah Kecil	1,187	694	1,099	2,980	

Bil.	Komponen	Pembangunan Dalam Kawasan Diwartakan				
		Siap Dibangunkan (Ekar)	Sedang Dibangunkan (Ekar)	Belum Dibangunkan (Ekar)	Jumlah (Ekar)	Peratusan Siap/Sedang Dibangunkan (%)
7.	Penempatan Semula	87	0	58	145	60
8.	Pembangunan Sedia Ada	332	0	0	332	100
	Jumlah Kecil	419	0	58	477	
9.	Konservasi	0	0	0	548	
	Jumlah Besar	1,606	694	1,157	4,005	

Sumber: Rekod KKIPSB

- c. Sebagai taman perindustrian utama di Sabah, KKIP memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah pencapaian pertumbuhan ekonomi Sabah. Sasaran utama pembangunan KKIP adalah bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negeri untuk melabur di KKIP serta mewujudkan pekerjaan untuk rakyat Sabah. Setakat September 2013, sebanyak 260 kilang/entiti telah beroperasi di KKIP dengan menjana pelaburan bernilai RM2.53 bilion dalam pelbagai industri serta mewujudkan sebanyak 7,049 peluang pekerjaan seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Status Pelaksanaan KKIP Setakat September 2013

Jenis	Bilangan Kilang/Entiti	Jumlah Pelaburan (RM)	Bilangan Pekerjaan
Industri Kayu	19	99,581,563	995
Industri Makanan	32	134,268,192	937
Industri Besi	18	371,352,432	882
Industri Getah/Plastik	9	81,036,724	216
Industri Logistik	18	91,724,625	446
Industri Gudang	53	133,360,108	887
Industri Elektronik & Elektrik	5	21,616,520	77
Industri Automotive & Berkaitan	15	54,646,444	327
Industri Seramik	2	7,433,681	38
Lain-Lain	47	158,561,583	806
Jumlah Kecil	218	1,153,581,872	5,611
Utiliti	5	892,517,578	148
R&D Dan Institusi	15	468,128,211	1,114
Komersil	22	13,741,624	176
Jumlah Kecil	42	1,374,387,413	1,438
Jumlah Beroperasi	260	2,527,969,285	7,049

Sumber: Rekod KKIPSB

5.4.2.2. Prestasi Pelaksanaan Projek

- a. Salah satu daripada objektif penubuhan KKIPSB adalah untuk membangunkan kawasan KKIP, termasuk menyediakan infrastruktur asas. Infrastruktur asas yang perlu disediakan adalah jalan raya, bekalan tenaga elektrik, bekalan air, perparitan, sistem pembetungan dan telekomunikasi. Rekod KKIPSB menunjukkan sebanyak 19 projek bernilai RM255.70 juta telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2011 sehingga September 2013. Projek-projek tersebut terdiri daripada 11 projek bangunan dan

infrastruktur bernilai RM179.26 juta dan 8 projek elektrik voltan tinggi bernilai RM76.44 juta. Semakan Audit mendapati, sebanyak 9 projek telah siap manakala 10 projek sedang dilaksanakan. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5

Status Pelaksanaan Projek KKIP Bagi Tempoh 2011 Hingga 30 September 2013

Bil.	Projek	Nilai Kontrak (RM Juta)	Status Pada September 2013
i. Projek Bangunan Dan Infrastruktur			
1.	<i>IZ8 & 9 Site Preparation Works</i>	18.66	Siap
2.	<i>Infrastructure Works At IZ7 Phase 1</i>	10.10	Siap
3.	<i>V19 Phase 3A – Building & Infra</i>	20.75	Siap
4.	<i>V12 Phase 1C & ID – Building & Infra</i>	15.75	Siap
5.	<i>V12 Phase 1A & 1B – Building & Infra</i>	11.70	Siap
6.	<i>V24 Stage 1 Terrace – Building & Infra</i>	9.71	Siap
7.	<i>V24 Stage 1 Townhouse – Building & Infra</i>	8.59	Sedang Dijalankan
8.	<i>V23 (4-Storey Walk-Up Apartment)</i>	17.93	Sedang Dijalankan
9.	<i>Ready Build Factory (RBF 4)</i>	35.28	Sedang Dijalankan
10.	<i>V24 Stage 2 Terrace – Building & Infra</i>	19.84	Sedang Dijalankan
11.	<i>V24 Stage 2 Townhouse – Building & Infra</i>	10.95	Sedang Dijalankan
Jumlah		179.26	
ii. Projek Letrik Voltan Tinggi			
12.	<i>66/33 KV And 33/11kV Sub-Station No.3</i>	28.75	Sedang Dijalankan
13.	<i>HV Networks IZ7 Phase 1</i>	6.44	Siap
14.	<i>HV Networks For V23</i>	0.53	Sedang dijalankan
15.	<i>HV Networks For V19Ph3, V19 Ph5 And PLC</i>	3.26	Sedang Dijalankan
16.	<i>HV Networks For V24</i>	2.87	Siap
17.	<i>HV Networks For RBF4</i>	0.66	Siap
18.	<i>33/11kV S/S No.4</i>	15.96	Sedang Dijalankan
19.	<i>S/S No.1 Upgrading</i>	17.97	Sedang Dijalankan
Jumlah		76.44	
Jumlah Besar		255.70	

Sumber: Rekod KKIPSB

- b. Berdasarkan **Jadual 5.5** pihak Audit telah memilih 2 projek sedang dalam perlaksanaan dan berlaku kelewatan tanpa lanjutan masa (*EOT*) iaitu, projek V23 (4-Storey Walk-Up Apartment) dan V24 Stage 1 Townhouse. Penjelasan lanjut mengenai projek tersebut adalah seperti berikut:

i. Projek V23 (4-Storey Walk-Up Apartment)

- Projek V23 adalah terdiri daripada 5 blok yang mengandungi 176 unit apartmen. Projek V23 dilaksanakan oleh Multi Skyline Sdn Bhd yang ditawarkan melalui tender pra-kelayakan (*Open prequalification*) dengan harga RM17.42 juta. Mengikut kontrak, projek dibahagikan kepada 3 peringkat dan hendaklah disiapkan pada 15 April 2011, 15 Jun 2012 dan 15 Februari 2013 masing-masing. Skop kerja telah diubah ekoran rayuan dari kontraktor utama untuk menukar kerja-kerja di bawah Wang Kos Prima kepada Kerja-kerja Pembina. Rayuan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil daripada perubahan skop tersebut telah mengakibatkan kos

kontrak meningkat kepada RM17.93 juta. Setakat September 2013, sejumlah RM11.80 juta telah dibayar kepada kontraktor dengan kemajuan kerja 86%.

- Pemeriksaan Audit mendapati Projek V23 belum disiapkan sehingga kini. Kontraktor telah memohon kepada Juruperunding Arkitek untuk lanjutan masa (*EOT*), namun permohonan ini ditolak. Oleh itu, Juru Perunding telah mengeluarkan *Certificate of Non-Completion* untuk ketiga-tiga peringkat tersebut. Setakat ini, potongan LAD ke atas bayaran kemajuan kontraktor belum dilakukan. Wang Tahanan berjumlah RM896,617 dan Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM896,617 dalam bentuk tunai masih disimpan oleh KKIPSB. Keadaan projek adalah seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KKIP
Tarikh: 11 September 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KKIP
Tarikh: 11 September 2013

ii. Projek V24 Stage 1 Townhouse

- Projek V24 Stage 1 Townhouse pada asalnya dilaksanakan oleh Pembinaan Suria Wang Sdn. Bhd. yang ditawarkan melalui proses tender terbuka dengan harga RM22.24 juta. Mengikut kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 26 bulan bermula pada 22 Mac 2010 hingga 21 Mei 2012. Bagaimanapun, kontrak dengan Pembinaan Suria Wang Sdn. Bhd. telah ditamatkan secara persetujuan (*mutually agreed termination*) melalui *Deed of Cancellation* pada 15 April 2011 atas sebab-sebab kelewatan pembayaran ke atas Sijil Perakuan Bayaran. Kemajuan kerja pada masa tersebut untuk Kontrak Townhouse dianggarkan pada 20% manakala pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor pula berjumlah RM4.60 juta.
- Seterusnya, Lembaga Pengarah mengambil keputusan untuk mempelawa kontraktor yang sudi untuk meneruskan kontrak pada kadar kontrak asal. Kontraktor Sam Hing Construction melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian telah menunjukkan minat ke atas projek ini. Setelah beberapa

siri perbincangan dan juga lawatan tapak dengan KKIPSB dan Juru Perunding, Sam Hing Construction telah mengemukakan cadangan untuk meneruskan projek ini berdasarkan kadar harga kontrak asal. Lembaga Pengarah mengambil keputusan untuk menawarkan kepada Sam Hing Construction untuk meneruskan pembinaan V24 Stage 1 pada kadar harga kontrak asal. Jumlah kontrak untuk V24 Stage 1 Townhouse (60 unit) adalah RM8.59 juta. Mengikut kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 16 bulan bermula 25 Jun 2011 hingga 24 Oktober 2012 bagi Kontrak Townhouse.

- Semakan Audit mendapati projek belum disiapkan sehingga kini. Setakat September 2013, EOT yang diluluskan untuk Kontrak Townhouse adalah selama 98 hari dari tempoh 25 Oktober 2012 hingga 30 Januari 2013 melalui EOT No.1. Pemeriksaan Audit terhadap projek tersebut telah dijalankan pada 11 September 2013. **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4** menunjukkan Projek V24 Stage 1 Townhouse yang sedang dalam pembinaan.

Gambar 5.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KKIP
Tarikh: 11 September 2013

Gambar 5.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KKIP
Tarikh: 11 September 2013

- iii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Januari 2014, pihak KKIPSB telah membuat pengiraan LAD sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM1.30 juta dan RM1.24 juta bagi projek V23 dan V24 Stage 1 Townhouse masing-masing yang akan dikenakan selepas akaun muktamad disediakan.

5.4.2.3. Aktiviti Penjualan Lot Tanah/Lot Komersil/Perumahan

a. Tunggakan Bayaran Ke Atas Penjualan Bangunan Komersil/Tanah

- i. Harga jualan hendaklah dijelaskan mengikut jadual bayaran yang ditetapkan seperti yang telah disyaratkan dalam perjanjian jual beli. Semakan Audit terhadap rekod KKIPSB mendapati setakat Jun 2013, seramai 5 pembeli belum menjelaskan baki harga jualan sejumlah RM13.08 juta antara 3 hingga 6 tahun seperti butiran di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6**Syarikat/Agenzi Yang Belum Menjelaskan Harga Jualan Tanah/Bangunan Komersil Sepenuhnya**

Bil.	Syarikat/Agenzi	Lokasi Harta	Harga Jualan (RM)	Baki Belum Dijelaskan (RM)	Tarikh Jual Beli
1.	KKIP Properties Sdn. Bhd.	Pusat Komersil Salut, Lot B9, B10, B11, B12, B13 & B14 <i>Ready Build Factory 3</i> , Lot 10, 11, 23A & 25	8,331,926	8,331,926	31.12.2009
2.	Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	Lot Tanah CZ 1, Lot 2	1,885,712	942,856	21.12.2009
3.	Kementerian Pelajaran Malaysia	SK Malawa	592,416	503,553	23.05.2008
		SK Telipok	1,034,550	879,367	23.05.2008
		SMK Telipok	1,742,400	1,481,040	23.05.2008
4.	Individu	SMI Fasa 2, Lot 32A-2	591,691	532,062	07.12.2006
5.	Syarikat Swasta	Pusat Komersil Salut, Lot C18	450,079	405,072	21.07.2008
Jumlah			14,628,774	13,075,876	

Sumber: Rekod KKIPSB

- ii. **Berdasarkan maklum balas pihak KKIPSB bertarikh 28 November 2013, KKIP Properties Sdn. Bhd. adalah syarikat subsidiari miliki penuh KKIPSB di mana Lembaga Pengarah telah meluluskan transaksi bagi pembelian harta manakala baki harga jualan yang belum dijelaskan oleh JHEAINS akan diselesaikan melalui offset pinjaman KKIPSB dengan Kerajaan Negeri. Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia pula, baki harga jualan hanya dibayar apabila geran tanah diperolehi manakala untuk seorang individu dan syarikat swasta pula, tindakan menamatkan perjanjian jual beli sedang diambil.**

b. Apartmen Seri Malawa Belum Dijual

- i. Produk yang telah siap dibina hendaklah direalisasikan supaya mendapat hasil jualan. KKIPSB telah membangunkan 2 blok 5 tingkat Apartmen Seri Malawa V28 (40 unit) untuk tujuan dijual kepada kilang/entiti di kawasan KKIP sebagai kuarters pekerja. Semakan Audit mendapati Apartmen tersebut yang telah siap pada tahun 2009 belum dijual. Sijil Menduduki telah diperolehi pada 22 Disember 2010. KKIPSB pada asalnya ingin menjual 40 unit apartmen tersebut sekali gus kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) sebagai kuarters kakitangan. Surat tawaran bertarikh 25 Mac 2010 telah dikeluarkan kepada JKNS dengan harga jualan RM8.10 juta. JKNS telah mengesahkan berhasrat akan membeli 2 blok apartmen tersebut. Bagaimanapun, JKNS dalam surat bertarikh 7 Jun 2013 telah memaklumkan kepada KKIPSB bahawa JKNS telah memutuskan untuk tidak meneruskan dengan tawaran pembelian Apartmen Seri Malawa berkenaan.
- ii. Apartmen yang sudah siap tetapi belum dijual memberi kesan terhadap kewangan KKIPSB di mana pendapatan daripada jualan tidak dapat direalisasikan. Selain itu, KKIPSB terpaksa menanggung kos perkhidmatan

sekuriti berjumlah RM97,499 untuk menjaga keselamatan bangunan tersebut dan bayaran cukai kadaran berjumlah RM30,395 bagi tempoh 2011 hingga Jun 2013. **Gambar 5.5** menunjukkan 2 blok Apartmen Seri Malawa yang belum dijual.



**Gambar 5.5
Apartmen Seri Malawa**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KKIP
Tarikh: 30 Julai 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas pada 28 November 2013, Pihak KKIPSB telah menawarkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang penjualan secara *en bloc* pada harga RM9.0 juta dan sekiranya tidak berjaya, KKIPSB akan mempertimbangkan khidmat agen pemasaran untuk menjual apartmen tersebut secara *en bloc*.**

5.4.2.4. Projek Usaha Sama Premis Anjung Malawa Tidak Memberi Pulangan

- a. Satu perjanjian usaha sama bertarikh 13 Julai 2005 telah ditandatangani antara KKIPSB dengan Sedcovest Holdings Sdn Bhd (SVH), satu syarikat subsidiari dimiliki sepenuhnya oleh Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) untuk projek pembangunan premis Anjung Malawa. Projek tersebut mengandungi 2 bangunan pusat premis perniagaan bersepadu di tepi lebuhraya Kota Kinabalu-Sulaman. Komponen projek terdiri daripada 4 lot makan/minum, 2 lot cenderamata, satu restoran makanan laut, 2 lot kraftangan dengan kemudahan pejabat pentadbiran, surau, tandas dan tempat letak kereta.
- b. Mengikut perjanjian usaha sama, KKIPSB adalah pihak yang menyediakan tanah seluas 3.95 ekar di KKIP dan pihak SVH bertanggungjawab ke atas kos pembangunan dan pengurusan penyewaan premis Anjung Malawa untuk tempoh 15 tahun selepas siap pembinaan/tarikh Sijil Menduduki (OC) dikeluarkan. Premis tersebut akan diserahkan balik kepada KKIPSB selepas tamat tempoh 15 tahun. KKIPSB akan mendapat 40% daripada keuntungan bersih terhadap pengurusan penyewaan premis Anjung Malawa. Projek tersebut telah siap dibina pada 15 Februari 2008.
- c. Semakan Audit mendapati pelaburan usaha sama dengan SVH tidak memberi pulangan kepada KKIPSB kerana KKIPSB tidak pernah menerima sebarang bayaran daripada SVH atas usaha sama tersebut. Selain itu, didapati rekod sewaan premis Anjung Malawa tidak pernah dikemukakan kepada KKIPSB.

- d. Berdasarkan maklum balas bertarikh 28 November 2013, tujuan projek Anjung Malawa adalah sebagai satu ameniti untuk menjadikan KKIP kawasan yang kondusif bagi pelabur serta orang awam. Bagaimanapun, SVH telah diminta untuk mengemukakan penyata kewangan kepada KKIPSB serta mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama untuk membincangkan perkara penyenggaraan premis Anjung Malawa.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah memuaskan kecuali projek lewat disiapkan, Apartmen Seri Malawa belum dijual dan projek usaha sama tidak memberi pulangan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KKIPSB mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Sistem Dan Prosedur

- a. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati KKIPSB telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa panduan untuk dipatuhi seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Polisi Dan Garis Panduan KKIPSB

Bil.	Polisi/Garis Panduan
1.	<i>Accounting And Financial Policies And Procedures Manual</i>
2.	<i>Master Costing System</i>
3.	<i>Project Costing Policy And Procedures & Company Management Accounts Monitoring And Control Policy And Procedures</i>
4.	<i>KKIP ISO Quality Control System Manual</i>
5.	<i>General Terms And Conditions Of Service</i>

Sumber: Rekod KKIPSB

- b. Semakan Audit mendapati KKIPSB melalui surat bertarikh 10 November 2009 telah melantik Horwath TH Liew Tong untuk mengkaji semula KKIPSB *Accounting And Financial Policies And Procedures Manual* dengan bayaran RM93,000.

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 28 November 2013 dan 26 Mac 2014, pihak KKIPSB memaklumkan bahawa SOP Kewangan telah disiapkan dan telah dibentangkan ke mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dalam mesyuarat ke-4 (2013) pada 13 Disember 2013. SOP Kewangan telah disiapkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang diadakan pada 14 Februari 2014.

5.4.3.2. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat untuk membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (unilateral) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah, dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati KKIPSB ada menandatangani Ikrar tersebut pada 4 Julai 2013.

5.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Bagi memastikan KKIPSB beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 8 kali bagi tahun 2011, 6 kali bagi tahun 2012 dan 4 kali bagi tahun 2013 (setakat bulan Jun). Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan. Selain daripada itu, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.

5.4.3.4. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam perlu ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati KKIPSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam. Fungsi Audit Dalam dilaksanakan oleh juruaudit swasta secara *outsourcing*. Semakan Audit mendapati pengauditan telah dijalankan dan 4 laporan bagi tahun 2012 hingga September 2013 telah dikeluarkan untuk tindakan pengurusan.

5.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi

kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan hanya bermesyuarat 2 kali pada tahun 2011 dan sekali pada tahun 2012. Bagaimanapun, pada tahun 2013, Jawatankuasa telah bermesyuarat 3 kali setakat bulan Julai.

5.4.3.6. Pembayaran Dividen

Mengikut peraturan, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati KKIPSB tidak mengisyiharkan dividen untuk tahun kewangan 2010 hingga 2012 walaupun mendapat keuntungan selepas cukai.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah baik kecuali KKIPSB tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

5.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat K.K.I.P. Sdn. Bhd. (KKIPSB) adalah baik. KKIPSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

5.5.1. Memastikan kontraktor menyiapkan projek pembinaan bangunan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

5.5.2. Memastikan bangunan yang telah disiapkan dijual dengan segera.

5.5.3. Memantau projek usaha sama bagi memastikan setiap pelaburan memberi pulangan kepada syarikat.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH

6. SABAH URBAN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) telah ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Syarikat 1965. SUDC merupakan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham berbayar dan dibenarkan bagi SUDC adalah RM40 juta. Objektif penubuhan SUDC adalah menjadi peneraju utama projek pembangunan Kerajaan Negeri dalam bidang hartanah dan industri berkaitan.

6.1.2. Aktiviti utama SUDC adalah dalam bidang hartanah. Semenjak penubuhan SUDC, sejumlah 140 projek dengan nilai pembangunan kasar (*gross development value*) berjumlah RM3.77 bilion telah dilaksanakan di seluruh Sabah. Ia melibatkan projek seperti rumah kedai, hotel, pejabat, rumah kediaman dan perindustrian.

6.1.3. Ahli Lembaga Pengarah SUDC adalah seramai 7 orang yang diketuai oleh seorang pengurus. Mereka terdiri daripada 3 orang ahli perniagaan, 3 orang kakitangan awam dan Pengarah Urusan SUDC. SUDC diterajui oleh seorang Pengarah Urusan dan dibantu oleh seramai 81 orang kakitangan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan SUDC adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan serta penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, rekod tahun sebelumnya juga telah disemak mengikut keperluan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab juga telah dijalankan. Selain itu, lawatan Audit ke lokasi projek, bangunan dan tanah yang disewakan telah dijalankan di Kota Kinabalu, Papar, Kudat dan Tawau.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SUDC adalah baik kerana SUDC telah mencatat keuntungan bagi tahun 2010 hingga 2012. Keuntungan terkumpul setakat 2012 adalah RM78.17 juta. Pengurusan aktiviti juga adalah baik manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan secara ringkasnya di perenggan berikut:

- Senarai kerja bagi 2 daripada 3 projek adalah tidak dipatuhi.
- Tiada tindakan tegas untuk mengutip tunggakan sewa.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak kemas kini.
- Pengurusan kewangan dari segi kawalan terimaan, perbelanjaan dan aset adalah kurang teratur.

6.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan SUDC, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis mendapati perkara berikut:

6.4.1.1. Analisis Trend

Pada tahun 2010, 2011 dan 2012, pendapatan sebelum cukai SUDC adalah berjumlah RM11.72 juta, RM23.52 juta dan RM12.50 juta masing-masing berbanding perbelanjaan berjumlah RM62.02 juta, RM102.68 juta dan RM81.70 juta. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

- a. Pendapatan utama SUDC terdiri daripada penjualan hartanah, pendapatan operasi dan faedah simpanan di bank. Jumlah pendapatan tahunan SUDC adalah antara RM73.74 juta hingga RM126.21 juta setahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pendapatan SUDC pada tahun 2011 telah meningkat sejumlah RM52.47 juta atau 41.6% menjadi RM126.21 juta berbanding tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2012, jumlah pendapatan SUDC telah menurun sejumlah RM32.01 juta atau 25.4% menjadi RM94.20 juta. Penjualan hartanah merupakan pendapatan utama SUDC iaitu menyumbang antara 88.2% hingga 97.4% setahun bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pada tahun 2010, pendapatan daripada jualan hartanah berjumlah RM65.04 juta telah meningkat kepada RM122.94 juta atau 89% pada tahun 2011. Pada tahun 2012, penjualan hartanah berjumlah RM85.02 juta iaitu menurun 30.8% berbanding tahun 2011. Pendapatan operasi lain telah menyumbang antara 2.6% hingga 11.8% setahun untuk tempoh 2010 hingga 2012. Pendapatan operasi lain menunjukkan

penurunan daripada RM8.69 juta pada tahun 2010 menjadi RM3.25 juta pada tahun 2011 iaitu menurun 62.6%. Pada tahun 2012, pendapatan operasi lain mencatatkan peningkatan RM5.90 juta atau 181.5% menjadi RM9.15 juta berbanding tahun 2011. Pendapatan daripada faedah simpanan di bank adalah kurang signifikan kepada pendapatan keseluruhan SUDC iaitu antara RM9,339 hingga RM31,500 setahun bagi tempoh 2010 hingga 2012.

- b.** Perbelanjaan SUDC bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara RM62.02 juta hingga RM102.68 juta. Perbelanjaan SUDC adalah terdiri daripada kos jualan, perbelanjaan pentadbiran, jualan dan pemasaran, perbelanjaan operasi lain dan perbelanjaan faedah pinjaman. Pada tahun 2011, perbelanjaan kos jualan menunjukkan peningkatan sejumlah RM37.81 juta atau 76.2% menjadi RM87.47 juta berbanding perbelanjaan tahun 2010. Pada tahun 2012, kos jualan telah menurun menjadi RM63.61 juta iaitu penurunan 27.3% berbanding tahun 2011. Perbelanjaan pentadbiran pula mencatat peningkatan berterusan daripada RM5.14 juta pada tahun 2010 kepada RM10.09 juta pada tahun 2011 dan seterusnya kepada RM12.54 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan antara 96.2% dan 24.3%. Manakala perbelanjaan pemasaran & jualan menunjukkan trend menurun setiap tahun iaitu daripada RM2.43 juta pada tahun 2010 kepada RM1.82 juta pada tahun 2011 dan seterusnya menjadi RM1.68 juta pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 24.9% dan 7.9%. Selain itu, perbelanjaan operasi lain juga menunjukkan trend menurun daripada RM3.17 juta pada tahun 2010 kepada RM1.76 juta pada tahun 2011 dan menjadi RM1.36 juta pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 44.5% dan 22.5%. Perbelanjaan faedah pinjaman adalah antara RM1.55 juta hingga RM2.50 juta setahun bagi tahun 2010 hingga 2012.
- c.** Setakat 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul SUDC berjumlah RM78.17 juta. Prestasi kewangan SUDC adalah baik kerana telah mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM8.39 juta hingga RM17.28 juta setahun bagi tahun 2010 hingga 2012. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) adalah seperti di **Jadual 6.1, Carta 6.1 dan Carta 6.2.**

Jadual 6.1


Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian SUDC Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Jumlah Pendapatan	65,039,078	122,941,188	85,021,550
Kos Jualan	(49,655,476)	(87,465,706)	(63,614,289)
Keuntungan/Kerugian Kasar	15,383,602	35,475,482	21,407,261
Pendapatan operasi	8,686,914	3,253,106	9,146,383
Perbelanjaan pentadbiran	(5,142,123)	(10,087,207)	(12,538,708)
Perbelanjaan pemasaran dan jualan	(2,427,607)	(1,822,232)	(1,679,106)
Perbelanjaan operasi	(3,169,363)	(1,758,588)	(1,363,977)
Keuntungan Operasi	13,331,423	25,060,361	14,971,853
Pendapatan faedah	9,339	11,022	31,500
Perbelanjaan faedah	(1,622,159)	(1,550,564)	(2,500,836)

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Keuntungan Sebelum Cukai	11,718,603	23,520,819	12,502,517
Cukai	(3,333,298)	(6,236,658)	(3,244,668)
Keuntungan/Kerugian Bersih	8,385,305	17,284,161	9,257,849
Keuntungan Terkumpul	51,632,620	68,916,781	78,174,630


Sumber: Penyata Kewangan SUDC

Carta 6.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan SUDC

Carta 6.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



Sumber: Penyata Kewangan SUDC

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Kecairan, Margin Keuntungan dan Nisbah Kecekapan seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Analisis Nisbah Kewangan SUDC Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	1.48:1	1.27:1	1.31:1
Margin Keuntungan	18.0%	19.1%	14.7%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.04:1	0.09:1	0.05:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.13:1	0.23:1	0.11:1

Sumber: Penyata Kewangan SUDC

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kerana

aset semasa dapat ditukar dengan segera kepada tunai untuk melunaskan hutang semasa. Analisis Audit mendapati, Nisbah Semasa SUDC bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 1.27:1 hingga 1.48:1. Ini menunjukkan SUDC berkeupayaan melunaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperolehi daripada perniagaan. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, SUDC telah mencatat keuntungan 14.7% hingga 19.1% untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012. Berdasarkan kepada analisis mendapati tahap kecekapan operasi SUDC adalah baik kerana SUDC telah mencatatkan keuntungan untuk 3 tahun berturut-turut.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh daripada pelaburan aset iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 0.04:1 hingga 0.09:1. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset, SUDC telah mencatat keuntungan berjumlah antara RM0.05 hingga RM0.09 untuk tahun 2010 hingga 2012.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap SUDC menguruskan ekuitinya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti adalah antara 0.11:1 hingga 0.23:1, iaitu setiap ringgit yang dilaburkan dalam ekuiti telah memberi pulangan antara RM0.11 hingga RM0.23.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SUDC adalah baik kerana kedudukan kewangan yang stabil dan mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM78.17 juta.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Kawalan terhadap pengurusan aktiviti adalah penting untuk membolehkan SUDC mencapai objektif utama yang ditetapkan iaitu memacu pembangunan dalam bidang harta tanah di

Negeri Sabah. Kawalan operasi yang cekap dan berkesan tanpa mengabaikan aspek kualiti dapat membantu pihak pengurusan menjimatkan kos. Aktiviti utama SUDC adalah dalam bidang harta tanah. Projek SUDC adalah terdiri daripada projek perindustrian, perumahan, hotel dan pusat membeli belah/rumah kedai. Pihak Audit telah menyemak rekod dan dokumen projek bagi tahun 2008 hingga 2013 untuk menilai prestasi pelaksanaan projek. Bagi tempoh 6 tahun iaitu 2008 hingga 2013, sebanyak 14 projek telah dilaksanakan oleh SUDC bernilai RM420.25 juta. Hasil semakan Audit terhadap aktiviti SUDC adalah seperti berikut:

6.4.2.1. Pengurusan Perolehan

Manual Prosedur Dan Polisi Perakaunan SUDC indeks 4.3 para 2.4 menetapkan semua perolehan oleh Bahagian *Human Resource Management* atau Bahagian Projek mestilah disokong dengan Perintah Kerja/Pembelian atau perjanjian atau kontrak yang telah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. Semakan Audit terhadap perolehan 14 projek mendapati perkara berikut:

a. Jawatankuasa Pembuka dan Penilai Tender (*Tender Committee*)

Semakan Audit mendapati, borang tender yang diterima telah dibuka oleh satu Jawatankuasa Pembuka Tender yang dianggotai 3 orang. Bagaimanapun, Jawatankuasa Penilai Tender tidak ditubuhkan. **Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, penilaian tender dibuat oleh pihak pengurusan SUDC dan dikemukakan untuk persetujuan dan kelulusan Lembaga Pengarah.**

b. Pengiklanan Tender

Semakan Audit mendapati, pihak SUDC tidak pernah mengiklankan pelawaan tender bagi projek yang bernilai melebihi RM5 juta di dalam surat khabar tempatan sebaliknya pelawaan tender projek telah dibuat secara tertutup dan secara tidak langsung telah mengehadkan penyertaan kontraktor tempatan dan boleh menyebabkan pihak SUDC tidak mendapat harga lebih menguntungkan.

c. Penilaian Tender

Semakan Audit terhadap 14 projek yang ditawarkan bagi tahun 2008 hingga 2013 mendapati, 10 kontraktor yang dipilih telah tersenarai dalam Senarai Kontraktor yang ditetapkan dan berpengalaman. Selain itu, semua projek telah diluluskan dalam mesyuarat Ahli Lembaga dan surat tawaran kepada kontraktor yang berjaya telah dikeluarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 5 daripada 14 projek tidak mempunyai maklumat yang lengkap berkenaan bilangan penender seperti di **Jadual 6.3. Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, kelulusan Lembaga Pengarah adalah mengikut harga yang terendah.**

Jadual 6.3**Penilaian Tender Bagi Projek Yang Dilaksanakan Pada 2008 Hingga 2013**

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Penender Yang Menyertai
1.	Eastern Plaza/ Promenade Hotel Tawau	94,956,051	Direct Award
2.	Kuhara Point 4 Storey Shop (Lot 5C)	6,641,354	TM
3.	Lahad Datu Darvel Bay Plaza	91,158,621	Direct Award
4.	LKH Galleria Kota Kinabalu	10,127,799	TM
5.	SCS Place	108,275,465	Direct Award
6.	Beaufort Industrial Estate Phase 1	8,268,203	7
7.	Kingfisher Cove Phase II	41,093,198	12
8.	Sandakan Industrial Estate Phase 3	9,484,147	TM
9.	Lok Kawi Heights (Seri Maya Block E & F)	53,000,000	Direct Award
10.	Singgah Mata Phase 2B dan 2CJV	-	Usahasama
11.	Singgah Mata Phase 2C Star City JV	-	Usahasama
12.	Financial Centre/Shoplots	8,800,000	TM
13.	Beluran Shophouses (block A,B,C)	13,471,000	TM
14.	Telupid Township	2,036,000	Usahasama
Jumlah		447,311,838	

Sumber: SUDC

Nota: TM – Tiada Maklumat

6.4.2.2. Pelaksanaan Projek

- a. Bagi menentukan pengurusan aktiviti atau projek telah dirancang, dilaksana dan diselia dengan baik, sebanyak 3 daripada 14 projek bagi tahun 2008 hingga 2013 melibatkan kos berjumlah RM77.16 juta telah dipilih dan dilawati seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4**Projek Yang Dipilih Dan Dilawati**

Bil.	Projek	Kos (RM Juta)	Status
1.	Kingfisher Cove Fasa 2	41.09	Siap
2.	Lok Kawi Heights (Seri Maya Blok E & F)	25.94	Dalam Pembinaan
3.	LKH Galleria	10.13	Siap
Jumlah		77.16	

Sumber: SUDC

- b. Kingfisher Cove Fasa 2 yang melibatkan pembinaan 68 unit 3 storey townhouse telah mula dibina pada 20 Ogos 2006 dengan kos berjumlah RM41.09 juta dan telah siap pada 19 Ogos 2010. Projek Lok Kawi Heights (Seri Maya Blok E & F) pula melibatkan pembinaan 2 blok apartmen dengan kos berjumlah RM25.94 juta. Pembinaan telah dimulakan pada 5 Januari 2010 dan dijangka siap pada 4 Januari 2014. Setakat bulan September 2013, projek masih dalam pembinaan dengan kemajuan kerja 38.6%. Bagi LKH Galleria yang melibatkan pembinaan rumah kedai dengan kos berjumlah RM10.13 juta telah mula dibina pada 16 Februari 2009 dan siap pada 15 Ogos 2010. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapat perkara seperti berikut:

i. Senarai Kerja (*Bills Of Quantity*)

Mengikut dokumen kontrak, senarai kerja (*Bills of Quantity*) merupakan perkara penting dan menjadi panduan kepada pemaju untuk melaksanakan sesuatu projek. Pada asasnya, senarai kerja bangunan terbahagi kepada 7 bahagian iaitu *general conditions and preliminaries, piling works, site preparation works, building works, external works, mechanical & electrical works* dan *provisional works* yang meliputi keseluruhan pembinaan sesebuah projek bangunan. Pemeriksaan Audit terhadap senarai kerja bagi 3 projek yang dipilih mendapat ketidakpatuhan dari segi *general conditions and preliminaries, building works* dan *external works* seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5

Pemeriksaan Audit Terhadap Senarai Kerja Bagi 3 Projek Yang Dipilih

Bil.	Senarai Kerja	Kingfisher Cove Fasa 2 (/)/(x)	Lok Kawi Heights (Seri Maya Blok E & F) (/)/(x)	LKH Galleria (/)/(x)
1.	<i>General Conditions and Preliminaries</i>	x	x	/
2.	<i>Piling Works</i>	/	/	/
3.	<i>Site Preparation Works</i>	/	/	/
4.	<i>Building Works</i>	x	TB	/
5.	<i>External Works</i>	x	TB	/
6.	<i>Mechanical & Electrical Works</i>	/	TB	/
7.	<i>Provisional Works</i>	/	TB	/

Sumber: SUDC

Nota: (/) – Mematuhi, (x) – Tidak Mematuhi, TB – Tidak berkenaan (projek masih dalam pembinaan)

ii. Sijil Menduduki Bangunan

Sijil Menduduki Bangunan (*Occupancy Certificate (OC)*) adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengesahkan bangunan yang dibina adalah selamat diduduki dan mematuhi kod keselamatan bangunan. Semakan Audit mendapat, 10 projek yang siap dibina antara tahun 2008 hingga 2012 telah mendapat OC.

6.4.2.3. Prestasi Jualan Dan Sewaan Hartanah

Selaku sebuah syarikat yang terlibat secara langsung dalam perniagaan harta tanah, SUDC perlu memainkan peranannya dengan baik untuk mencapai objektif. Oleh yang demikian, pengurusan yang baik terhadap jualan dan sewaan harta tanah SUDC adalah perlu bagi meningkatkan hasil. Semakan Audit terhadap rekod jualan dan sewaan harta tanah SUDC bagi tahun 2008 hingga 2013 mendapat perkara seperti berikut.

a. Jualan Hartanah

Bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan September 2013, SUDC telah menyiapkan 9 projek melibatkan 1,242 unit rumah kediaman, rumah kedai, apartmen dan lot perindustrian untuk dijual. Semakan Audit mendapati pendapatan jualan harta berjumlah RM404.69 juta melibatkan 1,106 unit. Ini menunjukkan prestasi jualan harta SUDC adalah baik kerana 89% daripada harta yang dibina telah berjaya dijual seperti **Jadual 6.6**. Kesannya, keuntungan terkumpul syarikat telah meningkat daripada RM42.79 juta pada tahun 2008 kepada RM78.17 juta pada tahun 2012.

Jadual 6.6
Jualan Hartanah SUDC Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Bil.	Projek	Bilangan (Unit)	Jualan			Baki (Unit)
			(RM Juta)	(Unit)	(%)	
1.	Eastern Plaza	275	65.50	269	97.8	6
2.	Kuhara Court Condo	182	36.68	178	97.8	4
3.	Darvel Bay Plaza Lahad Datu	301	107.14	236	78.4	65
4.	LKH Galleria	15	18.06	15	100.0	-
5.	South China Sea Place	252	140.78	252	100.0	-
6.	Kingfisher Cove Phase II	78	10.58	23	29.5	55
7.	Sandakan Industrial Estate Phase 3	67	12.07	67	100.0	-
8.	Darvel Bay Financial Centre	30	13.36	30	100.0	-
9.	Muara Labuk	42	0.52	36	85.7	6
Jumlah		1,242	404.69	1,106	89.0	136

Sumber: SUDC

b. Sewaan Hartanah

Pengurusan yang baik terhadap sewaan harta milik SUDC adalah perlu bagi memastikan peningkatan hasil. Semakan Audit mendapati, SUDC tidak menyediakan dan menetapkan perancangan terhadap bilangan premis, lot kedai dan tanah untuk disewakan kepada yang berminat. Setakat bulan September 2013, semakan Audit mendapati SUDC telah menyewakan 3 lot tanah dan 31 lot kedai seperti berikut:

i. Perjanjian Sewa

Perjanjian sewa merupakan kontrak ikat janji antara pemilik harta dengan penyewa yang mana mengandungi semua terma dan syarat-syarat penyewaan. Ia hendaklah disediakan dan dimeterai antara pemilik dengan penyewa yang hendak menyewa bangunan atau tempat atau lain-lain pemilikan bangunan dan sah di sisi undang-undang. Penemuan Audit terhadap fail penyewa menunjukkan perkara berikut:

- Seramai 6 daripada 34 penyewa dengan kadar sewa bulanan antara RM635 hingga RM2,992 telah tamat tempoh sewaan dan tiada perjanjian baru dimeterai.
- Seramai 5 daripada 34 penyewa hanya menggunakan surat ikat janji tanpa setem duti dan perjanjian yang sempurna. Tempoh penyewaan adalah antara 11 bulan hingga 24 bulan. Contoh tanah yang disewakan menggunakan surat ikat janji adalah seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Milik SUDC Di Kudat
Tarikh: 1 Julai 2013

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Milik SUDC Di Kudat
Tarikh: 1 Julai 2013

- **Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, perjanjian sewa hanya akan disediakan sekiranya sewaan adalah untuk jangka panjang.**

iii. Tunggakan Sewa

- Semakan Audit mendapati setakat bulan September 2013, seramai 12 daripada 34 penyewa mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM6.09 juta. Tempoh tunggakan sewa adalah antara 3 hingga 23 bulan. Selain itu, sebuah syarikat mempunyai tunggakan sewa bagi tempoh 10 dan 18 bulan berjumlah RM4.36 juta atau 71.6% daripada jumlah keseluruhan tunggakan sewa.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati tindakan tegas seperti memberi peringatan, menamatkan perjanjian sewa dan tindakan mahkamah tidak diambil terhadap penyewa yang gagal melunaskan sewaan mereka melebihi 3 bulan dan ke atas. Kesannya, tunggakan sewa meningkat dan aliran wang tunai terjejas.
- **Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, pihaknya sedang mengambil tindakan terhadap penyewa di South China Sea**

Place dan Eastern Plaza Tawau. Selain itu, pihak SUDC telah membatalkan perjanjian sewa dengan penyewa di Link Bridge Star City pada bulan November 2013.

6.4.2.4. Pencerobohan Hartanah SUDC

Langkah keselamatan terhadap harta seperti lot tanah dan bangunan hendaklah diambil untuk menghalang pihak yang tidak dibenarkan memasuki tanah atau bangunan secara haram.

- a. Pemeriksaan Audit di daerah Kudat dan Tawau pada 1 Julai 2013 pada 26 September 2013 mendapati tanah dan lot kedai telah diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tanah dan lot kedai yang diceroboh adalah seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

Gambar 6.3
Tanah SUDC Yang Disewakan
Telah Diceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Milik SUDC Di Kudat
Tarikh: 1 Julai 2013

Gambar 6.4
Lot Kedai SUDC Dijadikan Stor
Penyimpanan Barang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Eastern Plaza Tawau
Tarikh: 26 September 2013

- b. Perkara ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan oleh pihak SUDC terhadap tanah dan bangunan. Perkara ini menyebabkan harta benda terdedah kepada risiko keselamatan dan kerugian hasil. **Berdasarkan maklum balas SUDC pada 11 Disember 2013, pihaknya akan mengambil tindakan terhadap pihak penceroboh terlibat.**

6.4.2.5. Pemasaran Dan Promosi

Aktiviti pemasaran dan promosi memainkan peranan penting dalam memperkenalkan produk atau barang di pasaran. SUDC perlu mempunyai strategi pemasaran yang baik untuk mempromosikan projek yang siap untuk dijual. Selain itu, strategi pemasaran dan promosi yang baik akan dapat memasarkan produk keluaran dan nama SUDC.

- a. Semakan Audit mendapati kos aktiviti pemasaran dan promosi berjumlah RM1.68 juta hingga RM2.43 juta setahun bagi tempoh 2010 hingga 2012. Antara aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan adalah mencetak dan mengedar risalah, menyertai pameran harta tanah di Sabah Trade Centre, pengiklanan dalam surat khabar dan promosi melalui laman sesawang milik SUDC.
- b. Kesan daripada aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan, SUDC telah dapat menjual 1,106 unit dan menyewakan 31 harta tanah yang siap dibina.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti bidang harta tanah adalah baik kerana SUDC telah berjaya membina dan membangunkan kawasan perindustrian, residen kediaman, perhotelan dan rumah kedai di merata tempat di seluruh Negeri Sabah. Ini secara tidak langsung telah membantu pihak Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur untuk tujuan perniagaan dan kediaman penduduk Sabah.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SUDC mendapati perkara berikut:

6.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel syarikat serta Akta Syarikat 1965.

a. Pelantikan

Mengikut perkara 63, Memorandum Dan Artikel SUDC, keahlian Lembaga Pengarah SUDC mestilah tidak kurang daripada 4 orang dan tidak boleh melebihi 7 orang. Mengikut amalan terbaik, Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mempunyai kepakaran yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah yang dilantik adalah terdiri daripada wakil SEDCO dan ahli perniagaan. Pemeriksaan Audit terhadap surat pelantikan ahli Lembaga Pengarah mendapati pelantikan Lembaga Pengarah SUDC telah mematuhi kehendak Seksyen 16(3A) dan Seksyen 123(4), Akta Syarikat 1965. Keputusan pelantikan ahli Lembaga Pengarah SUDC dibuat oleh Ketua Menteri/Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah.

b. Kekerapan Mesyuarat

Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, dicadangkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah SUDC telah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2011 dan 2 kali pada tahun 2012. Pada tahun 2013, Ahli Lembaga Pengarah baru sekali mengadakan mesyuarat iaitu pada 22 Januari 2013. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan. Selain daripada ahli Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat SUDC. Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah telah mengadakan 1 mesyuarat khas pada tahun 2011.

6.4.3.2. Sistem dan Prosedur (Polisi/Garis Panduan/Prosedur)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. Pemeriksaan Audit terhadap sistem dan prosedur SUDC mendapati perkara berikut:

a. Standard Operating Procedures

Standard Operating Procedures (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab. SOP adalah berbeza bagi setiap Bahagian/Unit kerana disediakan berdasarkan skop kerja masing-masing. Selain itu, SOP hendaklah dipanjangkan kepada kakitangan sebagai rujukan utama kepada anggota semasa menjalankan tugas.

i. Accounting Policies And Procedures Manual

Peraturan kewangan dan perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada perkara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati, SUDC menggunakan *Accounting Policies And Procedures Manual* yang disemak pada 12 Jun 2003. *Accounting Policies And Procedures Manual* yang diguna pakai terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Pengenalan, Sistem Perakaunan, Jadual Pihak Bertanggungjawab (*Table Of Authority*) dan Arahan Kerja (*Standing Instructions*). Semakan Audit mendapati, SOP tersebut perlu disemak semula dan ditambah baik kerana kawalan terhadap resit rasmi daripada aspek penerimaan, penggunaan dan penyimpanan resit rasmi syarikat yang belum

digunakan dan cara mendaftar resit rasmi tidak dinyatakan. Arahan kerja bagi pengurusan sewa harta tanah juga tidak disediakan dalam SOP tersebut.

- ii. **Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, pihaknya akan menyemak semula dan membuat penambahbaikan terhadap SOP sedia ada.**

6.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Tahun 1993 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh Syarikat Kerajaan. Mengikut pekeliling tersebut, syarikat yang memperoleh keuntungan tetapi tidak membayar dividen kepada pemegang saham perlu mengemukakan penjelasan kepada Kementerian Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati, SUDC tidak mengisyiharkan dividen walaupun mencatat keuntungan berjumlah RM11.72 juta hingga RM23.52 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012.

6.4.3.4. Audit Dalam

Unit Audit Dalam ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Pihak Audit mendapati, SUDC tidak menuju Unit Audit Dalam (UAD) dan melalui temu bual difahamkan bahawa SUDC tidak menuju UAD untuk menjimatkan kos dari segi bayaran gaji kepada kakitangan. Bagaimanapun, UAD SEDCO telah menjalankan pengauditan terhadap operasi dan kewangan SUDC pada bulan April 2010 dan April 2011.

6.4.3.5. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

Berdasarkan amalan terbaik seperti digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi Syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Jawatankuasa Audit perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat Syarikat Induk. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Semakan Audit mendapati, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 5 orang. Bilangan mesyuarat adalah sebanyak 2 kali untuk tempoh tahun 2011 dan 2012 dan 1 kali pada tahun 2013 setakat bulan Ogos. **Berdasarkan maklum balas SUDC pada 11 Disember 2013, pihak SUDC akan memastikan mesyuarat diadakan selaras dengan ketetapan pekeliling tersebut.**

6.4.3.6. Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan yang cekap adalah penting di mana sesebuah organisasi perlu memenuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu. Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik.

- a. Pengauditan ini meliputi kawalan bajet, kawalan terimaan atau jualan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil dari pengauditan pengurusan kewangan mendapat kelemahan seperti berikut:
 - i. Sebanyak 10 resit bernilai RM1.52 juta telah dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.
 - ii. Tanggungan belum dibayar berjumlah RM61.13 juta setakat 31 Disember 2012.
 - iii. Jawatankuasa pembuka tender dan jawatankuasa pemilihan tender tidak dilantik/ditubuhkan.
 - iv. Pengurusan aset dari segi penyelenggaraan rekod dan pelupusan aset tidak teratur.
- b. **Berdasarkan maklum balas SUDC bertarikh 3 Disember 2013, pihak SUDC akan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan dalam pengurusan hasil, perbelanjaan dan aset yang dibangkitkan.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SUDC adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelemahan yang dibangkitkan dalam pengurusan kewangan perlu diambil tindakan sewajarnya.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan SUDC mengambil tindakan berikut:

- 6.5.1.** Memastikan projek harta tanah yang siap dibina dapat dijual atau disewa dengan segera.
- 6.5.2.** Memastikan sewaan dibuat dengan teratur dan mekanisme kutipan tunggakan sewa diwujudkan.

6.5.3. Mengambil tindakan terhadap pencerobohan tanah dan lot kedai miliknya bagi mengelakkan masalah berbangkit di masa hadapan. Selain itu, pemantauan yang berkala perlu dilakukan bagi memastikan aset SUDC selamat dan bebas daripada diceroboh.

6.5.4. Mengemas kini SOP sedia ada untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

6.5.5. Menyelenggara Daftar Aset (*Property, Plant and Equipment Register (PPER) card*), membuat verifikasi dan pelupusan terhadap aset yang usang dan rosak bagi menjimatkan ruang penyimpanan aset.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah penyenggaraan, pengambilan tanah, komunikasi dan koordinasi, sumber kewangan terhad, kekurangan kelengkapan latihan, kelewatan pembayaran, projek lewat disiapkan dan *Standard Operating Procedure* tidak kemas kini bagi Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu terus memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
2 Februari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
www.audit.gov.my